

DARIPADA Ibnu Umar Radiallahuanhuma Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Wajib atas seorang Muslim untuk mendengar dan taat (kepada penguasa) pada perkara yang dia sukai mahupun yang dia benci, kecuali jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Apabila dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan, maka tidak boleh didengar dan tidak boleh ditaati".
(Hadis riwayat Imam Muslim)

KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENYAKSIKAN KEJOHANAN POLO AMAL 2026



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan trofi kejohanan kepada Pasukan The Purr-Fects yang menjuarai Kejohanan Polo Amal 2026. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3 hingga 5)

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Negara Qatar dan kepada Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani serta kepada ahli-ahli kerabat diraja dan rakyat Negara Qatar.

State of Qatar baru-baru ini.

Dalam titah-titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan ucapan takziah yang amat mendalam kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Negara Qatar dan kepada Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani serta kepada ahli-ahli kerabat diraja dan rakyat Negara Qatar.

Baginda seterusnya menyatakan di bawah kepimpinan bijaksana His Highness Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani, Negara Qatar telah mencapai kemajuan yang luar biasa dan berjaya memperkukuh

kedudukannya di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kemangkatan His Highness Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani adalah merupakan satu kehilangan besar dan akan sentiasa dikenang sebagai seorang pemimpin terkemuka dan arkitek transformasi moden Negara Qatar di samping dedikasinya yang berterusan dalam memperingkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Qatar.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan menempatkan roh Al-Marhum His Highness Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani dalam golongan orang-orang yang beriman.

Raptai penuh Istiadat Barisan Kehormatan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Raptai Penuh Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Berangkat bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

>> Muka 6

Berita Utama



KELUARAN Khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun



PERARAKAN kenderaan pacuan 4 roda semarakkan Sambutan Hari Keputeraan

Muka 11



PERKASA kesejahteraan, pembangunan sosioekonomi komuniti

Muka 12



RENCANA

TONGKAT : Seni, warisan dan identiti budaya

Muka 28

Brunei perhebat usaha pemuliharaan lautan demi generasi akan datang

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi.**

INI adalah satu penghormatan untuk saya mengalu-alukan kedatangan awda semua ke Persidangan Negara Brunei Darussalam (NBD) khusus untuk salah satu planet kita yang paling penting dan sumber yang menyokong kehidupan lautan.

Dengan tema 'Mengekalkan Lautan Kita : Inovasi, Tadbir Urus dan Ketahanan untuk Masa Depan Biru' (Sustaining Our Oceans Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future), persidangan hari ini dianjurkan oleh Jabatan Perikanan, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Penyelidikan (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Poni Group Sdn. Bhd., sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2026. Persidangan ini mencerminkan komitmen teguh NBD ke arah memajukan ekonomi biru yang mampan dan berdaya tahan selaras dengan wawasan negara kita, Wawasan Brunei 2035 dan aspirasi kita yang lebih luas untuk memastikan keselamatan makanan jangka panjang, penjagaan alam sekitar dan kepelbagaian ekonomi.

Lautan kita adalah nadi kelangsungan hidup dan kemakmuran kita. Mereka mendukung berbilion-bilion orang di seluruh dunia, menyokong komuniti pantai merentas generasi dan memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekologi. Namun hari ini, di seluruh dunia lautan kita berada di bawah tekanan yang tidak pernah

berlaku sebelum ini, daripada peningkatan suhu laut dan pengasidan lautan kepada penangkapan ikan yang berlebihan, pencemaran dan kemusnahan habitat. Cabaran ini meningkatkan risiko kehilangan ekosistem marin dan pantai yang tidak dapat dipulihkan, mengurangkan stok ikan dan mengancam kestabilan rantaian bekalan makanan laut global. Ini menekankan keperluan mendesak untuk tindakan kolektif bagi melindungi kesihatan lautan, memastikan pengurusan sumber yang mampan dan menjamin masa depan makanan yang berdaya tahan untuk generasi akan datang.

Dalam hal ini, tema pertama persidangan ini, 'Memperkuh Ketahanan Iklim Melalui Kesihatan Lautan dan Perlindungan Hidupan dan Habitat Marin' (Strengthening Climate Resilience Through Ocean Health and the Protection of Marine Life and Habitats), adalah tepat pada masanya dan penting. NBD, melalui Jabatan Perikanan, giat memajukan pengurusan perikanan berasaskan ekosistem sebagai pendekatan teras untuk memastikan kemampuan jangka panjang sumber marin kita. Ini termasuk melindungi habitat kritikal, mengawal selia aktiviti penangkapan ikan dan menyelarasikan amalan pengurusan dengan dinamik ekologi. Melengkapkan usaha ini ialah penempatan strategik terumbu tiruan di seluruh perairan kita, yang berfungsi untuk meningkatkan stok ikan, memulihkan habitat marin dan menggalakkan biodiversiti.

Usaha untuk meningkatkan produktiviti marin dan melindungi biodiversiti termasuk penempatan lebih daripada 1,700 terumbu tiruan antara 2020 dan 2025, dengan perancangan untuk pemasangan

selanjutnya. Bersama-sama, inisiatif ini mengukuhkan daya tahan ekosistem marin kita, memastikan ia terus menyokong mata pencarian, pengeluaran makanan dan kestabilan alam sekitar dalam menghadapi cabaran iklim yang semakin meningkat.

Memandangkan perikanan tangkapan menghadapi cabaran yang semakin meningkat, pentingnya untuk kita melihat ke hadapan dengan inovasi dan pandangan jauh. Tema kedua, Akuakultur Inovatif untuk Sekuriti Makanan (Innovative Aquaculture for Food Security), menggariskan peranan transformatif teknologi dalam memacu sistem pengeluaran makanan yang mampan dan berdaya tahan.

NBD sedang giat mempromosikan akuakultur berteknologi tinggi, daripada Teknologi RAS (Recirculating Aquaculture Systems), pemantauan berasaskan sensor, automasi, kecerdasan buatan dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui. Inovasi ini penting untuk meningkatkan kecekapan, mengukuhkan biosekuriti, mengurangkan kesan alam sekitar dan membina sistem pengeluaran berdaya tahan iklim. Memajukan teknologi sedemikian adalah penting untuk menjamin keselamatan makanan dan daya tahan jangka panjang industri akuakultur.

Tema ketiga, Memacu Pertumbuhan Lautan Mampan (Driving Sustainable Ocean Growth), menggariskan kepentingan mengimbangi pembangunan ekonomi dengan pemeliharaan ekosistem marin kita. Di NBD, semasa kita membuka potensi ekonomi lautan kita, melalui perikanan, akuakultur, dan industri hiran kita tetap berpegang pada prinsip bahawa pertumbuhan mesti diteruskan dalam had ekologi. Dengan menyelaraskan cita-cita ekonomi dengan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Persidangan Negara Brunei Darussalam Ke Arah Melestarikan Lautan, Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan Bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 2 Jun 2026 yang berlangsung di Pusat Kesenian, Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Shadan / Shadan**

penjagaan alam sekitar, kami berhasrat untuk membina ekonomi lautan yang berdaya tahan dan mampan yang akan terus menyokong mata pencarian dan keselamatan makanan untuk generasi akan datang.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	27	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	SELASA	28	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	RABU	29	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	KHAMIS	1 SAFAR	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
17	JUMAAT	2	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
18	SABTU	3	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
19	AHAD	4	4.42	4.52	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN		SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C		34 25 °C	
Pekan Bangar			
30 25 °C		32 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C		34 25 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C		32 25 °C	
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikas			
www.mef.gov.bn			

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 13 JULAI 2026 Bukan sekadar persiapan tetapi penghayatan kesetiaan

DALAM dua hari lagi seluruh rakyat di negara ini akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 tahun.

Seperti kelaziman, negara akan mengadakan persiapan bagi sambutan tersebut yang bukan hanya di Daerah Brunei dan Muara tetapi juga di keempat-empat daerah. Antara acara bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah upacara menaikkan bendera, majlis ramah mesra bersama rakyat dan penduduk, persembahan dan pertandingan pentas serta gerai-gerai sambutan dan aktiviti-aktiviti khas bagi meraikan sambutan tersebut.

Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 bagi Tahun 2026 bertempat di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Bandar Seri Begawan bukanlah sekadar arahan tetapi manifestasi kesetiaan rakyat kepada raja. Kibaran megah bendera kita di pelusuk negara menunjukkan persiapan rapi bahawa tidak lama lagi negara kita akan menyambut Hari Keputeraan raja yang dikasihi.

Setiap rumah, kedai dan pejabat dihiasi kain rentang gambar wajah baginda tanda menyukuri dan sebagai bukti penghormatan dan kasih rakyat serta kesetiaan kepada baginda.

Pintu-pintu gerbang berwarna-warni dengan lampu yang gemerlapan merentangi jalan raya serta lampu-lampu indah menghiasi bangunan-bangunan sudah menghiasi di beberapa tempat di negara ini.

Persiapan bagi sambutan perayaan yang sering ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan rakyat pada setiap tahun ini giat dilaksanakan. Di keempat-empat daerah, sokongan dan pelaksanaan di peringkat akar umbi khususnya daerah dan mukim agar sambutan perayaan ini dapat dijalankan dengan lancar menunjukkan komitmen serta kesetiaan mereka agar acara ini akan berjalan lancar dan seterusnya mencipta kenangan yang akan terus menjadi ingatan bagi generasi belia di masa hadapan.

Dan sebagai menunjukkan kasih sayang serta kesetiaan rakyat kepada raja, persiapan bagi menyambut hari istimewa itu giat dilaksanakan dengan pelbagai latihan perbarisan serta persembahan sebagai satu hadiah ikhlas dari rakyat untuk raja yang dikasihi.

Tidak keterlaluan jika dikatakan tahun ini sangat istimewa kerana raja yang kita kasihi berusia 80 tahun, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan merafakkan sembah semoga baginda terus dikurniakan keafiatan dan penuh kedaulatan, memayungi negara dan menaungi kesejahteraan rakyat. Doa dan harapan dari seluruh rakyat dan penduduk agar baginda dilimpahi dengan kebahagiaan dan melanjutkan usia baginda, sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya.

Akhirnya seluruh rakyat dan penduduk menjunjung kasih atas pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bijaksana, dan yang sentiasa menjadi lambang penyatuan dan kesejahteraan negara. Seluruh rakyat menzahirkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada baginda, serta mempertahankan ketahanan dan kesetiaan bersama demi kemajuan dan kesejahteraan tanah air tercinta. - **Ketua Penyunting (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal 2026



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda pada Kejohanan Polo Amal 2026 yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd Nikman

JERUDONG, Ahad, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal 2026 dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kejohanan.

Berangkat sama pada kejohanan yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club itu ialah paduka-paduka

anakanda, adinda dan cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Kejohanan Polo Amal pada kali ini menyaksikan empat pasukan bersaing bagi merebut trofi kemenangan iaitu Pasukan The Purr-Fects, Lucky Hoofs, Flying Feathers dan The Un-bear-ables di mana perlawanan akhir menyaksikan pertemuan antara Pasukan The Purr-Fects bertemu Pasukan Lucky Hoofs.

>> Muka 4



BERANGKAT sama ialah paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan kanan).



PADUKA-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berangkat mewakili Pasukan The Purr-Fects.



SUASANA pada kejohanan tersebut (kanan sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada Pasukan The Purr-Fects dan Pasukan Lucky Hoofs (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 3

Berkenan berangkat menyertai perlawanan ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah mewakili Pasukan The Purr-Fects.

Manakala paduka adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan

menyertai Pasukan Lucky Hoofs.

Turut menyertai Pasukan Lucky Hoofs ialah anakanda DYTMM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Pada perlawanan akhir tersebut, Pasukan The Purr-Fects yang diketuai oleh DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berjaya menewaskan Pasukan Lucky Hoofs diketuai oleh YAM Pengiran Muda Bahar, dengan kiraan 5½ - 2, masing-masing dalam empat *chukker* perlawanan.

Pada *chukker* pertama menyaksikan Pasukan The Purr-Fects mendahului Pasukan Lucky Hoofs dengan kiraan 1½ - 1, di mana mata pertama Pasukan The Purr-Fects berjaya dihasilkan oleh DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen manakala mata bagi Lucky Hoofs dihasilkan oleh YAM Pengiran Muda Bahar.

Dalam *chukker* kedua pula, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berjaya menambah dua lagi jaringan buat Pasukan The Purr-Fects menjadikannya 3½ - 1.

Abdullah Afiq pula menambah satu lagi jaringan buat The Purr-Fects pada *chukker* ketiga.

Pasukan Lucky Hoofs berjaya memperoleh mata tambahan pada *chukker* keempat namun mata penalti bagi Pasukan The Purr-Fects pada *chukker* terakhir itu menjadikan kedudukan 5½ - 2 sekali gus mengesahkan trofi kejohanan menjadi milik Pasukan The Purr-Fects.

Dengan keputusan tersebut, Pasukan Lucky Hoofs menyandang tempat kedua,

diikuti Pasukan The Un-bear-ables meraih tempat ketiga dan tempat keempat diraih oleh Pasukan Flying Feathers.

Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam itu juga turut dimeriahkan dengan karnival, disertai oleh pengusaha-pengusaha jualan makanan dan minuman tempatan, di samping pelbagai aktiviti Fun Games untuk disertai oleh para pengunjung yang membanjiri acara tersebut mulai pukul 12.00 tengah hari lagi.

Para pengunjung turut dihiburkan dengan beberapa persembahan menarik daripada warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. Selain itu, kejohanan tersebut juga dimeriahkan lagi dengan cabutan nombor bertuah bagi pemegang-pemegang tiket yang berpeluang memenangi pelbagai hadiah eksklusif dan menarik yang disediakan oleh pihak penganjur.

>> Muka 5



SEKITAR Kejohanan Polo Amal 2026 yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club (atas, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan trofi kejohanan kepada Pasukan The Purr-Fects yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah kanan).

>> Muka 4

Hasil kutipan pada Kejohanan Polo Amal 2026 ini nanti akan disalurkan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam untuk dimanfaatkan oleh warga serta orang-orang berkeperluan khas, dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan, ditubuhkan bukan untuk meraih keuntungan dan sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan lebih baik kepada masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa di bawah jagaan pusat berkenaan dalam menyediakan pendidikan berkualiti, latihan vokasional dan

perkhidmatan pemulihan bagi individu kurang upaya dan kurang intelektual.

Organisasi berkenaan juga

berperanan untuk membimbing orang-orang muda, melatih dan mendidik mereka ke arah pembelajaran, kebebasan dan

saling berdikari, dengan hasil pembangunan mental dan fizikal diri juga membantu mereka untuk

menyesuaikan diri dalam kalangan keluarga mereka dan masyarakat sosial.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra (atas kiri). Sementara gambar kiri, paduka-paduka anakanda dan cucunda Kebawah DYMM berangkat pada kejohanan berkenaan. Manakala gambar-gambar di bawah, suasana pada kejohanan tersebut dimeriahkan dengan kehadiran para pengunjung.



RAPTAI PENUH ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar berangkat bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



>> Muka 1

Juga hadir ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof;

ANTARA yang menyertai raptai (kiri dan atas).

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Istiadat Barisan Kehormatan akan diadakan pada Rabu, 15 Julai ini, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Tinjauan persediaan Majlis Kesyukuran

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin



KIARONG, Sabtu, 11 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 akan bermula dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran yang akan diadakan pada Selasa, 14 Julai 2026 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Bagi memastikan kelancaran majlis, Jawatankuasa Kerja Acara Keagamaan membuat tinjauan

persediaan bagi acara tersebut di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, pada petang tadi.

Hadir semasa tinjauan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026;



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie semasa meninjau lebih dekat raptai tersebut (atas). Sementara gambar kiri, raptai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran.

dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, tumpuan bagi acara keagamaan ini juga akan diadakan di masjid-masjid seluruh negara iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, masjid-masjid tumpuan ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop;

Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara itu, di Daerah Belait, masjid tumpuan ialah Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria. Manakala bagi Daerah Tutong, masjid tumpuan ialah di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; dan di Daerah Temburong, masjid tumpuan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Marilah kita sama-sama berdoa

ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat, dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

KEAMANAN, KESTABILAN, KEMAKMURAN NEGARA NIKMAT BESAR DARIPADA ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Julai. - Keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara merupakan nikmat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang terhasil melalui keimanan, ketakwaan serta ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Rasul-Nya dan Ulil Amri. Apabila pemimpin melaksanakan amanah dengan adil berlandaskan syariat Islam, manakala rakyat pula memberikan ketaatan, kerjasama dan sokongan yang bertanggungjawab, maka lahirlah suasana yang harmoni, bersatu padu dan saling mempercayai.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Ketaatan Kepada Raja Asas Kemakmuran Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rashidah Sa'adat Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Tsuufy bin Haji Abdul Wahab, dari MRSB, Kampung Sungai Akar bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-237 Semarak Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, keadaan berkenaan akan menghindarkan negara daripada perpecahan, persengketaan dan huru-hara, sekali gus mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan rakyat.

Dengan demikian tambahnya, keamanan dan kemakmuran negara dapat terus dipelihara serta diwarisi oleh generasi akan datang.

Menyemarakkan Program Malam Munajat berkenaan ialah Penghulu Mukim Kilanas, Daerah Brunei dan Muara; Ketua Kampung Bunut Perpindahan; Belia Masjid dan Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB) Kampung Bunut Perpindahan; ahli jawatankuasa takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Kampung Bunut; MRSB, Kampung Sungai Akar; serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti

program berkenaan secara maya daripada kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Kilanas, Awang Ahmad Hussaini bin Mohsin, juga Penasihat Masjid Kampung Bunut yang bersiaran dari Masjid Kampung Bunut.

Diikuti dengan bacaan Surah Ar-Rahman beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Bunut, JHEM, KHEU, Awang Abd. Muiz bin Haji Japar, dari Masjid Kampung Bunut.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Pemantau Zon 2, JHEM, KHEU, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini, dari Masjid Kampung Bunut. Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tajriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairou Johani bin Haji Jumat, bersama Belia Masjid dan IKERAB Kampung Bunut Perpindahan dari Masjid Kampung Bunut.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bunut, JHEM, KHEU,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-237.

Awang Haji Shari bin Awang Murat, dari Masjid Kampung Bunut.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta

seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit. Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.

PBB 2026 : Memperkasa minda, mengembangkan pemikiran masyarakat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat menjayakan budaya ilmu dan membaca serta membina apresiasi terhadap karya seni dan penulisan buku, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara konsisten menganjurkan Pesta Buku Brunei (PBB) setiap tahun.

PBB 2026 diadakan selama 11 hari bermula 25 Muharam hingga 6 Safar 1448 Hijrah bersamaan 11 hingga 21 Julai 2026 Masihi bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan PBB 2026, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, wakil-wakil perwakilan diplomatik asing, ketua-ketua jabatan, para penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), mantan Pengarah

DBP, rakan korporat, ketua persatuan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), para pensyarah, penulis buku terbaharu, penerima Hadiah Buku Terlaris, para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Antara pengisian semasa Majlis Perasmian berkenaan ialah penyampaian Hadiah Buku Terlaris 2025, iaitu sebagai usaha DBP untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada buku yang dihasilkan oleh penulis tanah air, sama ada yang diterbitkan oleh penerbit kerajaan, swasta mahupun orang perseorangan.

Pengiktirafan berkenaan dinilai daripada penulisan dan kebolehpasarannya. Hadiah Buku Terlaris bagi 2025 dianugerahkan kepada tiga kategori buku, iaitu Kategori Ilmiah, Kategori Sastera dan Kategori Kanak-Kanak.

Hadiah Buku Terlaris 2025 bagi Kategori Ilmiah diberikan kepada buku bertajuk 'Adab-Adab Dalam Islam' yang ditulis oleh Pegawai-pegawai Ilmu Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan diterbitkan oleh JMK.

Manakala bagi Kategori Sastera pula diberikan kepada buku 'Kompilasi Pantun Mencetus

Ilham, Nukilan Kalbu' karya Idlan Adley, terbitan DBP. Sementara Kategori Kanak-Kanak diberikan kepada buku bertajuk 'Real Ghost Stories of Borneo 7' nukilan Dr. Aamton Alias, terbitan M Content Creations Brunei.

Dengan adanya penghargaan Hadiah Buku Terlaris berkenaan dihasrat akan menggalakkan perkembangan penulisan, meningkatkan pertumbuhan industri perbukuan yang lebih kompetitif, meningkatkan kualiti penulisan dan penerbitan, menggalakkan penulis untuk mempromosi dan menjual buku masing-masing sekali gus mendukung dan memperkasa budaya membaca di negara ini.

Majlis turut menyaksikan pelancaran lapan buah buku terbaharu terbitan DBP.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya antara lain berkata, setiap tahun PBB terus konsisten menjadi wadah utama untuk menyuburkan budaya ilmu dan menyemak daya apresiasi masyarakat terhadap dunia perbukuan.

Jelasnya lagi, dengan mengangkat tema 'Brunei Membaca : Masyarakat Intelektual', kita ingin menegaskan bahawa buku bukan sekadar helaian kertas malah ia adalah alat memperkasa minda dan mengembangkan pemikiran masyarakat.

Usaha murni ini katanya, adalah pelaburan jangka panjang kita untuk melahirkan generasi rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran demi mendukung visi Wawasan Brunei 2035.

Majlis Perasmian PBB 2026 juga diserikan dengan persembahan sketsa 'Jidar Al Jannah' oleh Akademi Panggung Seri Utama.

PBB merupakan acara tahunan anjuran DBP, Kementerian



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Buku Brunei 2026 (atas dan kiri).

Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai usaha untuk memupuk budaya membaca dan memperkaya ilmu dalam kalangan masyarakat. PBB tahun ini membawa tema 'Brunei Membaca : Masyarakat Intelektual' yang menekankan kepentingan membaca sebagai asas pembentukan masyarakat yang berilmu, berfikir kritis dan berdaya saing.

Dalam era ledakan maklumat, budaya membaca membantu masyarakat menilai dan menapis maklumat secara bijaksana, di samping memupuk pembelajaran sepanjang hayat serta penghargaan terhadap buku sebagai wadah ilmu yang bernilai.

Pembudayaan membaca yang berterusan diyakini mampu melahirkan masyarakat intelektual yang berpengetahuan, berakhlak mulia dan berpandangan jauh, sekali gus menjadi pemangkin kepada kemajuan negara yang progresif, berwawasan dan berteraskan ilmu.

Objektif penganjurannya adalah untuk memasyarakatkan budaya membaca dan membina apresiasi terhadap karya seni serta

penulisan buku, mengukuhkan pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap budaya Brunei, bahasa dan sastera Melayu serta tulisan Jawi; menonjolkan identiti dan karya penulis buku, penggiat seni tempatan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Di samping itu, ia bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan hubungan perniagaan serantau dan antarabangsa bagi mengembangkan industri penerbitan buku Negara Brunei Darussalam.

PBB kali ini menampilkan sebanyak 35 pempamer dari dalam dan luar negara yang menawarkan jualan buku dengan potongan harga istimewa. Selain itu, pelbagai kegiatan dan aktiviti menarik bagi setiap peringkat umur turut disediakan.

PBB 2026 dibukakan bagi kunjungan orang ramai pada setiap hari bermula 11 hingga 21 Julai 2026, jam 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali 15 Julai 2026 dari jam 2.00 petang hingga 9.30 malam, dan Jumaat pada jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 9.30 malam.

HPS GLOW : MENGUKUHKAN STRUKTUR, BUDAYA SEKOLAH SIHAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Sabtu, 11 Julai. - Sebanyak 12 buah sekolah rendah dan menengah kerajaan menerima pengiktirafan pada Majlis Anugerah Sekolah Mempromosi Kesihatan Health Promoting School Growing, Learning, Optimizing towards better Well-being in School (HPS GLOW) 2026, sebagai penghargaan terhadap komitmen aktif mereka melaksanakan inisiatif pemerkasa persekitaran sihat serta menyokong kesejahteraan warga sekolah, selaras dengan dasar-dasar kesihatan dan pendidikan negara.

Diadakan di Dewan Mawaddah, Setia Point, di sini, majlis anjuran Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan berkenaan juga menjadi wadah pengiktirafan dan motivasi berterusan kepada pihak sekolah untuk memperkukuh amalan persekitaran yang kondusif ke arah peningkatan tahap kesihatan fizikal, mental dan sosial dalam kalangan murid, guru dan warga sekolah secara menyeluruh. Hadir selaku tetamu kehormat bersama majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian

Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat sebelum diteruskan dengan Majlis Perasmian Anugerah dan lawatan tetamu-tetamu kehormat ke 12 reruai pameran sekolah-sekolah HPS GLOW yang terlibat.

Pameran berkenaan memaparkan pelbagai inisiatif, aktiviti dan amalan terbaik yang telah diungkapkan oleh sekolah dalam memperkasa persekitaran sekolah yang sihat, selamat dan menyokong kesejahteraan murid serta seluruh warga sekolah sepanjang tempoh program sejak tahun lalu.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua PPK, Kementerian Kesihatan, Dr. Siti Rosemawati bin Haji Md. Yusoff, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Dr. Siti Rosemawati dalam ucapannya menegaskan bahawa pengiktirafan berkenaan hendaklah dilihat sebagai permulaan kepada usaha yang lebih mantap dan lestari, di samping menjadi dorongan kepada sekolah-sekolah untuk terus mengukuhkan struktur dan budaya sekolah yang sihat serta berkongsi amalan terbaik dengan sekolah-sekolah yang lain.

Acara juga diserikan dengan tayangan klip video montaj 'HPS GLOW Schools in Action' yang memaparkan rakaman aktiviti-aktiviti promosi kesihatan di 12 buah sekolah HPS GLOW, termasuk usaha memupuk budaya pemakanan sihat, aktiviti fizikal, kebersihan diri dan sokongan kesejahteraan mental di

persekitaran sekolah.

Tayangan berkenaan turut menampilkan temu bual ringkas dengan guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekolah yang berkongsi pengalaman mereka melaksanakan HPS GLOW serta perubahan positif yang mula dilihat dalam kalangan murid dan warga sekolah.

Pelaksanaan HPS GLOW 2.0 adalah berasaskan pendekatan holistik Whole of School Approach yang melibatkan kepimpinan sekolah, guru, murid, ibu bapa, komuniti dan agensi-agensi berkepentingan dalam merancang serta melaksanakan pelan tindakan yang bersesuaian dengan keperluan sekolah masing-masing.

Pendekatan berkenaan membantu memupuk rasa tanggungjawab dan kekitaan dalam kalangan warga sekolah, di samping memperkasa kapasiti sekolah untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pembelajaran, kesihatan dan kesejahteraan secara bersepadu.

Melalui inisiatif berkenaan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan terus memperkukuh kerjasama strategik ke arah membangunkan sistem sekolah yang lebih menyokong kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan remaja di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis Anugerah Sekolah Mempromosi Kesihatan HPS GLOW 2026 juga meraikan, menghargai usaha sekolah-sekolah dalam memperkasa budaya hidup sihat serta kesejahteraan warga sekolah melalui pelaksanaan inisiatif Sekolah Mempromosi Kesihatan (SMK).

Pada majlis berkenaan, Anugerah Sekolah Mempromosi Kesihatan HPS GLOW 2026 telah disampaikan kepada sekolah-sekolah terlibat yang telah menunjukkan komitmen dan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan pelan tindakan berpanduan tonggak-tonggak (pillar) SMK yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Bagi Kategori Sekolah Rendah, Anugerah Emas diraih oleh Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis, Sekolah Rendah Tanjong Kindana dan Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II, Tutong.

Manakala Anugerah Perak dimenangi oleh Sekolah Rendah Bendahara Lama, sementara Anugerah Gangsa diterima oleh Sekolah Rendah Dato Marsal dan Sekolah Rendah Panaga, Seria.

Bagi Kategori Sekolah Menengah pula, Anugerah Emas diberikan kepada Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong. Manakala Anugerah Perak diberikan kepada Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri; Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Menengah Masin dan Maktab Anthony Abell, Seria.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat merasmikan Majlis Anugerah Sekolah Mempromosi Kesihatan Health Promoting School Growing, Learning, Optimizing towards better Well-being in School (HPS GLOW) 2026 dan seterusnya menyaksikan reruai pameran (atas dan kiri).

Sementara Anugerah Gangsa diraih oleh Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Turut disampaikan ialah beberapa Anugerah Khas SMK HPS GLOW 2026 (Special Men on Awards) bagi menghargai kepimpinan dan amalan terbaik di peringkat sekolah, termasuk Kategori Best HPS Leadership, Kategori Best HPS Focal Teacher, Kategori Best HPS Committee, Kategori Best Staff Wellness Activity, Kategori Best Parent Teacher Association (PTA) Engagement dan Kategori Best Sustainable HPS Activity.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan ke arah menjadikan setiap sekolah di NBD sebuah sekolah mempromosi kesihatan, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam mencapai kualiti kehidupan yang tinggi, di samping memperkukuh sokongan negara terhadap

pendekatan berasaskan bukti yang digariskan oleh WHO, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (UNESCO) dan United Nations Children's Fund (UNICEF).

Melihat ke hadapan, Kementerian Kesihatan menaruh harapan agar kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan akan terus diperkukuh, termasuk melalui pembangunan Brunei Health Promoting School Framework dan standard kebangsaan yang sejajar dengan standard global WHO, pengintegrasian kerangka berkenaan ke dalam keutamaan strategik kementerian-kementerian berkaitan, serta pelaksanaan program akreditasi kebangsaan secara berfasa untuk semua sekolah di NBD.

Visi yang digariskan adalah jelas, iaitu 'Every School in Brunei Should Be a Health Promoting School by 2035'.



ANTARA yang menyertai pameran yang memaparkan pelbagai inisiatif, aktiviti dan amalan terbaik yang telah diungkapkan oleh sekolah dalam memperkasa persekitaran sekolah yang sihat, selamat dan menyokong kesejahteraan murid serta seluruh warga sekolah sepanjang tempoh program sejak tahun lalu.



Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

PERTIWI ADAKAN SAMBUTAN AWAL MUHARAM 1448



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Muharam Tahun 1448 Hijrah yang dianjurkan oleh Persatuan PERTIWI.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

KAMPUNG KIARONG, Ahad, 12 Julai. - Persatuan PERTIWI petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Awal Muharam Tahun 1448 Hijrah berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee.

Juga hadir, Yang Dipertua PERTIWI, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Majlis serta kira-kira 120 Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PERTIWI dan ahli-ahli yang mewakili Cawangan Persatuan PERTIWI dari keempat-empat daerah.

Turut hadir, para pemimpin Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dan Persatuan yang bergabung di dalamnya.

Acara diserikan dengan satu ceramah khas yang disampaikan oleh Penolong Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Norhasima binti Haji Omar.

Majlis juga diselururkan dengan meraikan Ahli-ahli Persatuan PERTIWI yang telah kembali ke tanah air setelah menunaikan ibadah haji pada tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Dengan adanya majlis seumpama ini, ia sebagai salah

satu projek keagamaan tahunan persatuan berkenaan bagi menyambut hari-hari kebesaran Islam. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan



YANG Dipertua PERTIWI, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Majlis semasa berucap (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, ceramah khas yang disampaikan oleh Penolong Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Norhasima binti Haji Omar.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

HALUAN

>> Muka 2

Selaras dengan komitmen ini, izinkan saya mengumumkan satu langkah penting ke hadapan dalam pengurusan perikanan kita langkah ke arah mengharamkan semua aktiviti pukat tunda di NBD menjelang 1 Januari 2030.

Langkah penting ini mencerminkan komitmen negara untuk melindungi sumber marin kita dan menjamin kemampunan jangka panjang sektor perikanan kita. Pukat tunda diketahui menyebabkan kerosakan ketara pada dasar laut, memusnahkan habitat marin yang penting, menghapuskan ekosistem dasar laut seperti terumbu karang dan span dalam sekelip mata. Pukat tunda adalah kaedah penangkapan ikan yang paling merosakkan dan paling membazir kerana ia tindakan tanpa pertimbangan mengakibatkan tahap tangkapan sampingan yang tinggi termasuk ikan kecil yang penting untuk penambahan stok pada masa hadapan. Dengan mengambil tindakan ini, kita bukan sahaja melindungi biodiversiti marin tetapi juga mengukuhkan asas sektor perikanan kita. Larangan pukat tunda akan membolehkan stok ikan pulih, meningkatkan produktiviti perairan kita, dan mewujudkan persekitaran yang lebih mampan dan saksama untuk nelayan yang bertanggungjawab.

Bagi menyokong peralihan ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Perikanan telah merangka langkah-langkah mitigasi untuk

membantu syarikat pukat tunda di NBD mempelbagaikan aktiviti perikanan alternatif. Antara langkah itu termasuk menawarkan lesen untuk peralatan menangkap ikan alternatif seperti pukat *purse seine*, *longline*, perangkap dan *handline*, serta menyediakan program latihan mengenai penggunaan peralatan menangkap ikan ini.

Jabatan Perikanan juga akan memudahkan dan menyokong pengusaha yang berminat dalam akuakultur dan usaha niaga makanan tani sebagai sumber pendapatan alternatif. Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan peralihan yang seimbang dan inklusif ke arah pengurusan perikanan yang mampan, di samping mengukuhkan mata pencarian dan meningkatkan produktiviti nelayan dan akhirnya meningkatkan sumbangan sektor perikanan kepada sekuriti makanan negara.

Selaras dengan komitmen kita untuk mengukuhkan inisiatif pemuliharaan dan memastikan pengurusan sumber perikanan yang mampan, NBD juga telah melaksanakan keperluan saiz tangkapan minimum ketam dengan panjang udang galah dan karapas masing-masing 7.5 sentimeter dan 11.5 sentimeter, termasuk larangan tangkapan udang galah dan ketam yang mengandungi telur, sejak 1 Januari 2026. Langkah ini merupakan langkah penting untuk melindungi spesies kecil,

membolehkan mereka matang, membiak, dan menyumbang kepada penambahan stok semula jadi di perairan Brunei.

Dengan mengawal selia penuaian sumber berharga ini, kita bukan sahaja melindungi biodiversiti marin tetapi juga menyokong produktiviti jangka panjang sektor perikanan kita, mata pencarian komuniti nelayan kita dan sekuriti makanan negara. Ini mencerminkan komitmen berterusan terhadap pengurusan perikanan yang bertanggungjawab dan untuk membina masa depan biru yang lebih berdaya tahan dan mampan untuk NBD.

Yang penting, keputusan ini tidak diambil secara berasingan, ia berasaskan penilaian sumber saintifik dan pemantauan berterusan terhadap persekitaran marin kita yang mencerminkan prinsip tema keempat 'Smart Ocean Governance Collaboration Powered by Data'. Melalui pengumpulan data yang diperkuatkan penyelarasan antara agensi dan kerjasama serantau bagi memastikan dasar tersebut dimaklumkan, diterima dan berkesan.

Oleh itu, pelaksanaan dasar yang ditetapkan pada masa ini akan disokong oleh sistem pemantauan yang mantap, penguatkuasaan kerjasama maklumat dan pihak berkepentingan. Pendekatan bersepadu ini membolehkan kita melindungi biodiversiti marin sambil memastikan sektor perikanan kita kekal produktif, berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan.

Hari ini, saya amat berbesar hati untuk turut menandakan

pelancaran rasmi buku yang baru diterbitkan oleh Jabatan Perikanan. KSSUP dengan bangganya memperkenalkan Pelan Pemantauan dan Pengurusan Terumbu Karang Kebangsaan (NCRMMP), yang merupakan hasil kerjasama tiga tahun antara Jabatan Perikanan dan Institut Sains Marin Australia di bawah Inisiatif Sumber Marin. Perkongsian ini mengukuhkan kapasiti kebangsaan NBD melalui aplikasi teknologi canggih dalam pengumpulan, penyelarasan dan analisis data.

Pelan ini menyediakan rujukan penting untuk pengurusan usaha pemantauan terumbu karang yang dijalankan oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk tinjauan biodiversiti, aktiviti penyelidikan dan penggunaan platform 'ReefCloud' untuk pengumpulan, analisis dan pelaporan data terumbu karang. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan program pemantauan yang standard dan jangka panjang, memastikan maklumat terumbu karang adalah konsisten, boleh diakses dan mampu menyokong keputusan pemuliharaan dan pengurusan yang berkesan.

Lebih penting lagi, inisiatif ini mencerminkan peralihan kami ke arah pendekatan yang lebih bersatu dan maklumat kepada tadbir urus lautan yang menggalakkan penyertaan inklusif daripada penyelidik, pegawai teknikal, penggubal dasar, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti tempatan dan pihak berkepentingan utama yang lain. Melalui komitmen bersama inilah kita dapat lebih memahami,

melindungi dan memulihkan ekosistem terumbu karang kita untuk manfaat generasi sekarang dan akan datang.

Oleh itu, penerbitan ini bukan sahaja rekod kemajuan saintifik tetapi juga simbol perkongsian, inovasi dan komitmen negara ke arah menjaga biodiversiti marin data. Saya berharap ia akan menjadi rujukan penting untuk penyelidikan masa depan, pembangunan dasar dan tindakan pemuliharaan.

Dengan ini, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta. Semoga perbincangan kita pada hari-hari mendatang memberi inspirasi kepada kerjasama yang lebih kukuh, penyelesaian praktikal dan komitmen yang diperbaharui ke arah mengekalkan lautan kita melalui inovasi, tadbir urus dan daya tahan untuk masa depan yang biru. Semoga usaha kolektif kita hari ini menjadi asas untuk pengawasan lautan yang berkekalan, bukan sahaja untuk data, tetapi untuk rantau yang lebih luas dan masyarakat global.

Untuk akhirnya, dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya amat berbesar hati untuk mengisytiharkan secara rasmi Persidangan NBD mengenai 'Sustaining Our Oceans : Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future', dibuka.

Wabillahit Taufik
Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.

سرورکرمي

مغو کوهکن طاعة ستيا رعيت کفد راج

جماعه يغ درجتي الله،

برتقوى له کيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغکنکن کلیمان کفدن. سسوغکوهن اورغ يغ فالیغ مليا دسيسې الله ﷺ ايت اياله اورغ يغ فالیغ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي انسان يغ سنتياس مغليغي الله ﷺ براوله کجيان دان کسلامن دنيا دان جوک داخيرة.

جماعه يغ درجتي الله،

إسلام بوکنله اکام يغ هان برصفا عبادة، يغ هان ممبائسي اجرنن فد رواغ ليغکوف هوبوغن انتارا همبا دغن فنجيشتان سهاج، بهکن نيلاي-نيلاي اسلام ايت تورو تمارج کيت جارا برايترکسي سمام مانسي، ترماسوقله هوبوغن انتارا رعيت دغن فميغکن. بکيتوله ايندهن اسلام تيدق فرله ميسهکن اوروسن عبادة درفد اوروسن فمريتهن. الله ﷺ برفومان ددالم سورة التيساء آية ۵۹:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! طاعة له کامو کفد الله دان طاعة له کامو کفد رسول الله دان کفد "أولي الأئمة" (اورغ-اورغ يغ برکواس) درفد کالغن کامو. کمودين جک کامو برنته-بنته (برسليسيهن) دالم سسواتو فرکارا، مک کيباليکنله کفد (کتاب) الله (القرآن) دان (سنة) رسولن، جک کامو بر برلمان کفد الله دان هاري اخيرة. يغ دمکين ايت اداله ليه بايک (باکي کامو) دان ليه ايلوق فولا کسودهنن.

آية اين سجارا جلس ملنکنن کطاعتن کفد فميغکن سلس کطاعتن کفد الله ﷺ دان رسولن. کطاعتن اين مروفاکن تونتوتن شرع يغ تيدق بوليه کيت راکوي لاکي دمي منجامين کسنايلن نکارا، کامانن سجاکت دان کهرمونين اومت.

إسلام امت منيتقيرتن هوبوغن يغ بايک انتارا فميغکن دان رعيت. دالم کونتيکنس نکارا کيت، طاعة ستيا کفد راج بوکن سقدر کيباسان يغ دوارغي تورو تورو، ماله ساتو تونتوتن اوکام يغ واجب دقلهارا باکي منظاهيرکن راس شکور سرتا ممتوغي قربنته اکام باکي منونوقکن کلیمان. طاعة ستيا کفد بکيندا بوکن سقدر کفد توهن کفد فراتورن، تنافي إي اداله ساتو ايکن جنجي يغ سوجي اونوق برسام-سام منجا کدولتن نکارا. رسول الله ﷺ برسيدا دالم سبواه حديث يغ دروايتکن اوليه امام بخاري، درفد ابو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ أَطَاعَ أَمِيرِي فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ عَصَى أَمِيرِي فَقَدْ عَصَانِي. مقصودن: سسيافا يغ منطاعتیکو، مک دي تله منطاعني الله دان سسيافا يغ مندرهکايکو، مک دي تله مندرهکاي الله دان سسيافا يغ منطاعني فمريتهکو (فميغکنکو)، مک دي تله منطاعتیکو دان سسيافا يغ مندرهکاي فمريتهکو، مک دي تله مندرهکاي اکو.

جماعه يغ درجتي الله،

إيغتهل بهاوا طاعة ستيا کيت کفد راج فرلوه درجهکن منروسي اخلاق يغ بايک، لالو دبوقيکن دغن فربواتن يغ ترفوجي. انتارا جارا کيت منظاهيرکن طاعة ستيا کفد راج يغ کيت کاسيهي اياله دغن ممتوغي فراتورن دان اوندغ-اوندغ

نکارا. ماله طاعة ستيا يغ فالیغ بات اداله دغن ممتوغي کدولتن اوندغ-اوندغ. حال اين کران راج اتاو فميغکن برفوغي سبکاي فتاوغ يغ ممستیکن کعاديلن دان کامانن سنتياس دنگککن. اقبيل رعيت ممتوغي فراتورن، إي سجارا تيدق لغسوغ ممبتو راج دالم منجاک مصلحت عموم. رسول الله ﷺ برسيدا دالم سبواه حديث يغ دروايتکن اوليه امام مسلم، درفد ابن عمر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِعَظِيَّةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِعَظِيَّةٍ فَلَا مَتَعَ وَلَا طَاعَةَ. مقصودن: واجب اتس ساورغ مسلم اونوق مندرن دان طاعة (کفد قواس) قد فرکارا يغ دي سوکاي ماهوقن يغ دي بنجي، کجوالي جک دي دفريتهکن اونوق ملاکون کمعصين. اقبيل دي دفريتهکن اونوق ملاکون کمعصين، مک تيدق بوليه مندرن دان تيدق بوليه طاعة.

جماعه يغ درجتي الله،

سلاکو رعيت، کيت هندقله سنتياس مندعاءکن کسجهتران، کصيتحن دان فرليندوغن الله ﷺ بوات کباوه دولي يغ مها مليا فادک سري بکندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يغ دفرتون نکارا بروني دارالسلام سرتا قرابة دراج سبکاي تندا کطاعتن کيت. مندعاءکن راج دان فمريته اداله انتارا اداب بسر دالم اسلام، کران دغن کيباکن فمريته، اکن ترفليهارا اوروسن اوکام، کامانن نکارا دان کسجهتران رعيت. مک دعاء کفد راج بوکن سقدر عادت، بهکن ترماسوق دالم تونتوتن اوکام اکر نکارا تروس براد دالم رحمة، هداية دان فرليندوغن الله ﷺ.

دمشغ ايت، منجادي کواجيئن کيت سلاکو رعيت اونوق تروس مغوکوهکن صف، مفرکاس جاتي ديري دغن کونسيستن مغحياتي کونسيغ ملايو اسلام براج (MIB). طاعة ستيا يغ فالیغ اوتوه اداله دغن مفرکتيکن جارا هيدوف برلندسکن فلسفه ملايو اسلام براج. اقبيل رعيت هيدوف برأخلاق، إستقامة دالم برعبادة دان سنتياس برساتو فادو، إي سوده تنتو منجادي کقواتن يغ دافت ممبتو بکيندا دالم مفرتهنکن کدولتن نکارا درفد عناصر-عناصر يغ تيدق صيحت.

سروسن سبکاي رعيت، کيت جوک برتفکوغجواب سجارا اکتيغ قد ميوبيغ کفد فمباغون نکارا. رعيت يغ طاعة اداله رعيت يغ فرودوکنيف. کيت مستيله منترجهکن طاعة ستيا دغن بکرجا برسوغکوه-سوغکوه دالم اف جوا بيدغ يغ کيت جهوري. ستياف سوميغن کجيل کيت، سام اد دالم بيدغ فنديدقن، ايکونومي، ماهوقن خدمت عوام اداله سوکوغن دان بتوان کفد بکيندا دالم مريالسياسيکن واوسن بروني ۲۰۳۵.

منجادي رعيت يغ برساتو فادو جوک مروفاکن تندا کطاعتن کفد راج. بکيندا سنتياس منيتقيرتن فرقادوان. اوليه ايت، طاعة ستيا برمقصود کيت تيدق ممبرکن ديري کيت دفجهيلهن اوليه فتنه، خصوصن دميديا سوسيال. منجاک ادب، مغمرمي اينستيتوسي دراج، دان مغايلکن فردبن يغ سيا-سيا اداله بوقي يات کيت ساورغ رعيت يغ برجيوا بسر.

جماعه يغ درجتي الله،

کنهويله بهاوا کيرکن هيدوف دنکارا اين تيدق داتغ دغن سنديري. اي اداله جرمين درفد کيرکن ساورغ فميغکن يغ منجيتاي رعيتن. بکيندا سنتياس منونوقکن جونتوه تولادن يغ اوغکول دالم منجاک دان ممرتيکن شعار اسلام. ليتهل باکلیمان بکيندا منيتقيرتن فنديدقن اکام، فمباغونن مسجد-مسجد يغ اينده سبکاي فوست عبادة دان سنتياس ممستیکن کواجيئن رعيت ترجمين ملالوي فلپاکاي سکيم بتوان. بوکنله الله ﷺ تله منجتيکن بهاوا جک کيت برشکور اتس نعمت يغ تله دکورنياکن کفد کيت، ترماسوقله نعمت بميلقي فميغکن يغ عاديل، الله اکن منيه لاکي نعمتن؟ الله ﷺ برفومان دالم سورة ابراهيم آية ۷:

دان (ايغله) کتيک توهن کامو ممرتاهو (دغن سجلس-جلسن): "دمي سسوغکوهن جک کامو برشکور (ترهادف سکلا نعمتن) تنتو اکر اکن منيه نعمت ايت کفد کامو دان دمي سسوغکوهن جک کامو کوفور (ترهادف نعمت ايت) مک سسوغکوهن عذابکو ساغت کرس.

اوليه يغ دمکين، جارا تربايک اونوق کيت منشوکوري نعمت کفميغکن بکيندا اداله دغن منجادي رعيت يغ طاعة، برديسلين دان برساتو فادو. سموک الله ﷺ تروس مليمفهن رحمة، هداية، دان کقواتن کفد بکيندا اونوق تروس منراجوي نکارا بروني دارالسلام يغ کيت جيتاي اين ککل امان معمر دباوه فرليندوغن الله ﷺ.

سبکاي منظاهيرکن راس شکور کيت كحضرة الله ﷺ دان طاعة ستيا کيت کفد راج، ماريله کيت حاضير کمسجد-مسجد، سوراو-سوراو دان بالاي-بالاي عبادة دسلوروه نکارا باکي اجارا مجليس دعاء کشوکورن دان سمبيغ فرض مغرب برجماعه برسمنا سمبون فرايان اولغ تاهون هاري کفوتران کباوه دولي يغ مها مليا فادک سري بکندا سلطان دان يغ دفرتون نکارا بروني دارالسلام يغ ک ۸۰ تاهون قد فغ هاري ثلاث، ۱۴ جولاي ۲۰۲۶ دغن نيه موده-مودهن راج يغ کيت کاسيهي اکن دلنجونکن اوسيا، صيحت والعاقيت دان ککل قرار ممرته نکارا بروني دارالسلام دباوه فرليندوغن الله ﷺ. آمين يا رب العالمين.

دان توهن کامو برفومان: "بردعاء له کفدکو نسجاي اکر مفرکنکن دعاء کامو. سسوغکوهن اورغ-اورغ يغ ميوبيغکن ديري درفد برعبادة کفدکو اکن ماسوق نراک جهنم دالم کادان هينا." {سوره غافر آية: ۶۰}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِجَابَةِ التَّائِبِينَ.

PERARAKAN KENDERAAN PACUAN 4 RODA SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



GADONG, Ahad, 12 Julai. - Majlis Kibarkanlah Bendera dan Pelancaran Perarakan Kenderaan Pacuan Empat Roda serta Pengagihan Bendera Kecil Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah berlangsung dengan jayanya di Rizqun International Hotel.

Acara tersebut diadakan khusus bagi Peringkat DBM sekali gus menyemarakkan lagi suasana gilang-gemilang sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perayaan bagi Peringkat DBM itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Kemuncak majlis menyaksikan tetamu kehormat dijemput bagi melekatkan bendera kecil NBD ke sebuah kenderaan pacuan empat roda di pekarangan hotel berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melekatkan bendera kecil NBD ke sebuah kenderaan pacuan empat roda (kiri dan kanan).

melancarkan perarakan pengibaran bendera yang disertai oleh sebanyak 80 buah kenderaan pacuan empat roda, sebelum konvoi berkenaan berakhir di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Antara yang hadir bagi menyemarakkan majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Penghulu Mukim Gadong 'B', ketua-ketua kampung di bawah Mukim Gadong 'B' serta ahli-ahli jawatankuasa majlis.

YANG Berhormat Ahli MMN semasa melancarkan perarakan pengibaran bendera.



Inisiatif agihkan bendera negara semarakkan semangat patriotisme



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Dalam usaha menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 pada tahun ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' baru-baru ini mengadakan pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada kira-kira 20 orang penduduk kampung yang dikenal pasti

memerlukan.

Inisiatif tersebut bertujuan menggalakkan lebih ramai penduduk mengibarkan bendera negara di kediaman masing-masing sebagai tanda kesetiaan, cinta kepada negara serta sokongan terhadap usaha kerajaan membudayakan amalan pengibaran bendera sempena sambutan kebangsaan.

Menurut Yang Berhormat Awang Mohammad Ali, langkah berkenaan juga diambil setelah pemantauan dijalankan dan mendapati ada beberapa buah rumah masih mengibarkan

bendera yang telah rosak dan pudar warnanya yang setentunya tidak wajar untuk digunakan malah memerlukan penggantian kepada bendera yang baharu.

Selain itu, terdapat juga segelintir penduduk yang belum berkesempatan membeli bendera baharu, justeru, Yang Berhormat yang selaku pemimpin bagi anak buah di bawah tadahannya itu telah mengambil inisiatif untuk memberikan kepada mereka.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali seterusnya berkata, sebagai ketua kampung, adalah menjadi tanggungjawab dan amanahnya untuk menunjukkan contoh kepimpinan yang baik dengan turut sama mengibarkan Bendera NBD serta mengajak seluruh penduduk melakukan perkara yang sedemikian.

"Pengibaran bendera bukan sekadar memenuhi tuntutan sambutan negara, malah merupakan lambang kesetiaan, kasih sayang dan penghormatan kita Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di samping

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

menyemai semangat patriotisme, perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat kampung," jelasnya.

Para penerima merakamkan penghargaan atas keprihatinan dan inisiatif yang dilaksanakan, sambil menyifatkan usaha tersebut sebagai satu galakan bermakna untuk bersama-sama memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM dengan mengibarkan Bendera NBD secara tertib, sempurna dan penuh rasa bangga

sebagai rakyat di negara ini.

Yang Berhormat dan seluruh para penduduknya seterusnya merafakkan doa agar Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain dikurniakan umur yang berpanjangan, kesihatan berterusan serta sentiasa dalam inayah dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan keselamatan dunia dan akhirat, Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika mengagihkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (kanan dan atas kiri).

PERKASA KESEJAHTERAAN, PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI



PENGHULU Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah semasa mengetuai rombongan pada Program Sentuhan Ihsan: Menyantuni Komuniti anjuran Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' (atas, kiri dan bawah kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'

BERAKAS, Sabtu, 11 Julai. - Program Sentuhan Ihsan: Menyantuni Komuniti anjuran Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' diteruskan lagi hari ini menerusi lawatan ke dua buah keluarga di Kampung Sungai Tilong dan Kampung Sungai Hanching bagi mendekati penduduk serta meneliti keperluan mereka secara langsung.

Mengetuai rombongan ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah, bersama Pemangku Ketua Kampung Sungai Hanching,

Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shahbuddin dan Mohd. Sukairi bin Haji Abd. Rahman.

Program berkenaan menjadi platform kepada pemimpin-pemimpin akar umbi untuk berinteraksi secara terus dengan penduduk bagi mendapatkan gambaran mengenai cabaran yang dihadapi, di samping mengenal pasti potensi yang boleh diperkembangkan melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan.

Semasa lawatan tersebut, rombongan mendapati salah

seorang ahli keluarga yang disantuni mempunyai kemahiran menghasilkan kuih-muih sebagai sumber pendapatan. Sehubungan itu, Penghulu Mukim Berakas 'B' menyarankan agar perusahaan berkenaan didaftarkan di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) bagi membolehkan pengusaha berkenaan meneroka peluang mendapatkan bimbingan, khidmat nasihat serta sokongan pembangunan perusahaan daripada pihak-pihak berkaitan.

Program Sentuhan Ihsan merupakan antara inisiatif Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' yang dilaksanakan secara

berterusan bagi memperkukuhkan hubungan antara pemimpin-pemimpin akar umbi dengan penduduk, di samping mengenal pasti keperluan serta potensi

masyarakat yang boleh diperkasakan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan sosioekonomi komuniti.



MPM Serasa santuni keluarga memerlukan



SEMASA program tersebut, MPM Serasa menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan asasi dan keperluan harian kepada keluarga penerima.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Serasa

SERASA, Sabtu, 11 Julai. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa meneruskan usaha kebajikan menerusi Program Jalinan Kasih dengan menyantuni sebuah keluarga yang memerlukan di Mukim Serasa, baru-baru ini.

Program berkenaan diketuai oleh Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan. Turut hadir ialah Pemangku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan

Muara, Awang Zulkarnain bin Haji Ibrahim, bersama rombongan Ahli-ahli MPM Serasa.

Semasa program tersebut, MPM Serasa menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan asasi dan keperluan harian kepada keluarga Dayang Wasti binti Kasti, yang mempunyai lima orang anak yang masih di bawah tanggungan.

Menurut Awang Saiful Adli bin Ali

Hassan selaku Pengerusi MPM Serasa dan Penghulu Mukim Serasa, program seumpama itu akan terus dilaksanakan sebagai tanda keprihatinan terhadap penduduk yang memerlukan di mukim berkenaan.

Beliau turut berharap usaha berterusan itu dapat mengukuhkan semangat kebersamaan dan saling membantu dalam kalangan masyarakat, selaras dengan slogan Mukim Serasa, 'Perpaduan Pemangkin Keharmonian'.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA  كمنترين كميحيث
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

TIPS

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg  1 bungkus Mee Segera	1000 mg  Satu Telur Masin	880 mg  1 sudu makan Kicap
376 mg  3 sudu makan Corned Beef	295 mg  1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	243 mg  1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan
120 mg  1 cawan Kentang Goreng	116 mg  Segenggam Kacang Tanah (Salted)	15 mg  3 keping Keraker Beras
2.4 mg  1 / 2 cawan Amping	1.7 mg  Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)	1.2 mg  Sebuah ukuran pedihattama Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

دولت کبawah دلی توان پاتیک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



قلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

KELUARAN
KHAS



SEMPENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Ke-80
Tahun*





Raja prihatin, kasihkan rakyat

SNIN, 15 Syaaban 1365 Hijrah bersamaan 15 Julai 1946 Masihi telah diwartakan sebagai cuti umum bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan peluang pelbagai lapisan masyarakat menghayati dan mengamati institusi beraja di Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan Sultan ke-29 yang diputerakan di Istana Darul-Hana Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Putera Sulung kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit) ditabalkan sebagai Sultan Brunei ke-29 pada 5 Oktober 1967 sehari selepas paduka ayahanda baginda, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-28 turun daripada takhta secara sukarela.

Keperibadian terpuji baginda yang begitu prihatin dan sentiasa mengambil berat permasalahan dan kesusahan yang dihadapi segenap lapisan rakyat menyebabkan baginda juga turut dikagumi dan menjadikannya idola kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

KEBAWAH DYMM bersama paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam berserta adinda-adinda baginda.

فليت بروني
PELITA BRUNEI
Melayu, Beraja, Berakhlak

1



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan kerabat diraja yang paling lama dan di antara yang termuda di dunia memerintah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-29.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika itu bergelar (Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota) segak mengenakan pakaian baju Melayu semasa zaman remaja baginda.



KEBAWAH DYMM bersama paduka adinda baginda semasa berada di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, England.



KEBAWAH DYMM bergambar kenangan bersama paduka ibunda baginda, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman berserta adinda-adinda baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika menerbangkan helikopter.



KEBAWAH DYMM ketika itu bergelar (Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota) bersama adinda baginda dengan berpakaian kobo (gambar diambil pada tahun 1954).



KEBAWAH DYMM ketika zaman kanak-kanak baginda.



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai semasa baginda melanjutkan pengajian baginda di sekolah di Kuala Lumpur pada tahun 1959.



Pembangunan

PEMBANGUNAN negara mampan menuju Wawasan Brunei 2035 adalah kerangka besar yang digariskan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam berkembang secara seimbang, berdaya tahan, dan berorientasikan masa depan. Pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, masjid-masjid, serta infrastruktur lain jelas menterjemahkan pembangunan negara yang inovatif. Komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia bukan sekadar visi jangka panjang, tetapi tindakan nyata melalui penubuhan majlis, strategi nasional, dan penekanan kepada pembangunan mampan. Fokus baginda ialah memastikan negara ini mencapai taraf negara maju dengan rakyat yang sejahtera, berilmu dan berdaya tahan menjelang 2035.

KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan beberapa pameran ketenteraan pada Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65.

Keselamatan

NEGARA aman, berkat adalah satu anugerah yang tidak ternilai. Justeru keselamatan di negara ini terjamin dengan adanya penekanan bagi pendekatan menyeluruh 'Whole of Government' dan 'Whole of Nation' untuk memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat selaras dengan matlamat pembangunan jangka panjang. Keselamatan negara yang mampan bukan sekadar mempertahankan sempadan, tetapi juga meliputi kestabilan politik, kesejahteraan sosial.

KEBAWAH DYMM berkenan turun padang bagi memastikan kesejahteraan mangsa-mangsa banjir di Daerah Tutong pada tahun 2014 mendapat perhatian daripada pihak-pihak tertentu.

Kesejahteraan

TEKAD dan komitmen kepimpinan tertinggi negara untuk memastikan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik, stabil dan sejahtera. Bantuan kepada golongan kurang berkemampuan, warga emas, dan orang kurang upaya agar mereka tidak terpinggir. Apabila kesejahteraan rakyat dijadikan fokus utama, ia menunjukkan bahawa pembangunan negara bukan hanya tentang infrastruktur atau ekonomi semata-mata, tetapi tentang membina masyarakat yang harmoni, berilmu dan berdaya tahan dengan kesejahteraan rakyat menjadi fokus utama.

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat pada Majlis Perasmi Pembukaan Fasilitas yang dinaik taraf bagi Pengisaran Padi Syarikat Wasan Milling Company Sendirian Berhad.

KEBAWAH DYMM berkenan menerima dos pertama suntikan vaksin COVID-19. Dengan suntikan dos pertama ini, baginda juga telah memperkenankan bagi program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 untuk mula diberikan kepada orang ramai secara berperingkat bermula Sabtu, 3 April 2021.

KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para peserta Program Khidmat Bakti Negara.

KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan penyampaian panji-panji baharu Pasukan Polis Diraja Brunei.

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat bercemar duli menyertai acara penanaman padi di kawasan ladang penanaman padi Wasan pada 27 April 2009.

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat menyertai acara Brisk Walk bersama sektor swasta di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar pada 18 Jun 2006.



Keagamaan dan Pendidikan

MELESTARIKAN aspek keagamaan merupakan salah satu teras penting dalam Wawasan Brunei 2035, kerana ia memastikan pembangunan negara berjalan seiring dengan nilai Islam sebagai asas kehidupan bernegara. Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir menekankan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai panduan utama dalam membentuk masyarakat berakhlak, berilmu, dan berdaya tahan menghadapi cabaran moden. Mengukuhkan pendidikan Islam untuk melahirkan rakyat yang berilmu dan berakhlak mulia dan ini dapat dilihat dengan pelaksanaan Pendidikan Wajib seawal umur enam tahun iaitu Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Pembangunan masjid dan institusi agama sebagai pusat ibadat, ilmu dan perpaduan masyarakat.

Pendidikan adalah tonggak utama Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berilmu, berkemahiran, dan berdaya saing di peringkat global. Pembentukan rakyat yang inovatif, produktif dan bertanggungjawab di samping menanai pembelajaran sepanjang hayat bagi melengkapi mereka dengan set minda cemerlang, pertumbuhan dan kedayatahan serta *growth and resilience* untuk membangun negara cemerlang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda menyatakan sistem pendidikan negara perlu terus melalui proses penambahbaikan yang strategik untuk melahirkan bakat-bakat muda yang bukan sekadar menguasai ilmu pengetahuan malah menjadi usahawan-usahawan yang berkemahiran.

KEBAWAH DYMM ketika berkenan meninjau sesi pembelajaran anak murid Sekolah Rendah Jerudong pada Isnin, 6 Julai 2026.

KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda bersama dengan Mushaf Universiti Teknologi Brunei (UTB) sempena Majlis Konvokesyen UTB Ke-13.

KEBAWAH DYMM, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kewangan Islam kepada majlis anakanda baginda pada Majlis Hafi Al-Takharrij Ke-8, UNISSA.

KEBAWAH DYMM berkenan menyampaikan Khutbah Hari Raya buat julung kalinya di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri pada tahun 1992.

KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Kawasan 3, Mukim Gadong 'B'.

KEBAWAH DYMM dan paduka adinda berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat baginda semasa baginda berangkat balik selepas menunaikan fardu haji buat pertama kali dalam bulan Ogos 1987.

KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan penyembelihan haiwan korban sempena Hari Raya Aidiladha di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kiarong.

KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda berkenan mengabdikan gambar kenangan bersama warga sekolah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Sinar Matahari (Sunshine School).

دولت کبawah دلی توانی قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



WARGA JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI MENYEMBAHKAN
UCAPAN SELAMAT HARI KEPUTERAAN KEHADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-80 TAHUN





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam
Kelas:**
III, IV & V

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 2 / 2026

Nama Projek:
Brunei Darussalam Central Bank
Building (Formerly New
Headquarters For The Autoriti
Monetari Brunei Darussalam –
Menaiktaraf Platform 30M
(Turfing Works)

Yuran Tawaran:
BND50.00



(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
V & VI

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 3 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Masjid Baharu
Rancangan Perumahan Negara
Kampung Lumut (Completion)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Julai 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0022 / 2026
Supply And Delivery Of PCR
Reagents For Quantification Of
Aquatic Diseases

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0023 / 2026
Supply And Delivery Of Primer For
PCR Diagnostic Test

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0024 / 2026
To Provide Technical Service And
Repair Of ESCO Fume Hood
Model EFD-4B1, SN:2012-67522
For Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre In
Accordance To Manufacturing
Specification

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0025 / 2026
To Provide Technical Service To
Troubleshoot And Repair Of
Uninterruptible Power Supply
(UPS) Prolink, Model PRO806-QL,
S/N 575801221700102 For
Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre In
Accordance To Manufacturing
Specification

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

IKAN / 78(Q) / 0026 / 2026
To Supply And Deliver Water
Quality Monitoring Device And
Accessories

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 028 / 2026

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services At Bukit
Panggal Powerstation, Tutong For
A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
4 Ogos 2026
Selasa (2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND 30.00 (Tidak
Dikembalikan)

Tempat Tutup:
PETI TAWARAN
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,

Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB 3913.
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Kewangan bagi Perkhidmatan
ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diperoleh di
Kauunter Unit Tawaran,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
33 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga
Pembelian Bilik Sejuk Beku
(Walk-In Freezer) Bagi Jabatan
Hal Ehwal Syariah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yuran Sebut Harga:



BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 14 Safar 1448H /
29 Julai 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

16 / JULY / 2026 / KKBS / PJK /
16.91
Three (3) Years Maintenance For
Fire Extinguisher At
1) Ministry Of Culture, Youth And
Sports Building And Store;
2) Pusat Pembangunan Belia
Tanah Jambu;
3) Blok B18, Flat Kerajaan
Anggerek Desa;
4) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office
Jalan Kebangsaan;
5) Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp Building; And
6) Outward Bound Brunei
Darussalam Batang Duri Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD /
1 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Menyediakan Latihan Leading
The Narrative:
Strategic Communication And
Stakeholder Alignment

Tarikh Buka Sebut Harga:
29 Jun 2026, Isnin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
30 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut
Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
02 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) – R

Tajuk Tawaran:
Penyewaan Dan
Operasi Kafe Muzium Brunei,

Bagi Tempoh 5 Tahun,
Aras Bawah
Muzium Brunei,
Kampung Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 2001

Permohonan Pembaikan
Kenderaan Jenis Mechanical
Handling Equipment (MHE)
Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 1001

Pembelian Alat Ganti
Kenderaan Handalan GS Cargo
4 Ton & Medium Handalan
Trackway Kepunyaan Unit-Unit
ABDB

Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ LE / TA / 2002

Permohonan Pembaikan
Kenderaan Jenis Mercedes
Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU
/ TA / BKS / 003
(JPPK / LTN / 14 / 2024 (B))
Proposed Design And Build For
Slope Protection At Jalan Pantai
Site B, Berakas Garrison

Kelas:
IV dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan KPB01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026



Hendaklah memuat naik salinan
Sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV)
yang terkini dan
dokumen-dokumen yang
berkaitan. Permohonan hendaklah
disikan dengan lengkap tidak
lewat **26 Julai 2026**.

Untuk sebarang pertanyaan
atau maklumat lanjut,
sila hantar e-mel ke:
admin.recruitment@ubd.edu.bn

JABATAN MUZIUM-MUZIAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
17 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pengangkutan Dan
Pembuangan Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Muzium-Muzium
Bagi Tempoh Tiga Puluh Enam
(36) Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 Ogos 2026



Bilangan Sebut Harga:
16 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian
Alat Tulis Dan Alat Pembersih Di
Unit Stor Untuk Kegunaan Semua
Bahagian Di Bawah Jabatan
Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 Ogos 2026

UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari
rakyat Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam adalah
dipelawa untuk memohon jawatan
berikut:-

Jawatan:
Penolong Penyelia Pusat
Penyelidikan Luar

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
[BND1,280 - BND2,270]

Kekosongan:
1 Jawatan

**Menghadapkan Borang
Permohonan**



Bilangan Tawaran:
KKW / UKK / TDR / 2026 - 01

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Dua (2) Buah
Kenderaan Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan

Yuran Tawaran:



BND30.00

Yuran e-dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Julai 2026

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(55) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twenty-Four (24) Months Term
Contract for General Pest Control
Services at Hassanal Bolkiah
National Stadium, Berakas

2. Bilangan Tawaran:
(56) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Supply and Install New
Drainage Cover System Along
Padang "A" and Walkway at
Berakas Sports Complex, Youth
and Sports Department, MCYS,
Brunei Darussalam

3. Bilangan Tawaran:
(57) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months For:
1. Temburong Sports Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office,
Temburong
4. Pusat Belia Bangar,
Temburong

4. Bilangan Tawaran:
(58) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Kelengkapan
Bagi Kompleks Sukan Jerudong
dan Kompleks Sukan Hoki,
KSNHB

5. Bilangan Tawaran:
(59) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Membekalkan Toner HP
Laserjet Printer Bagi Stok
Simpanan Pusat Stor

6. Bilangan Tawaran:
(60) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Twelve (12) Months Term
Contract for General Pest Control
Services at Jerudong Sports
Complex

7. Bilangan Tawaran:
(61) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Maintenance (Refill,
Replacement Part, Repaint,
Refurbish and Servicing) to
Existing Fire Extinguisher, Fire
Hose Reel, Smoke Detector and
Fire Alarm System at Games
Village, Hassanal Bolkiah National
Sports Complex

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
30 Julai 2026

JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPt / TAW / 06 / 2026 - 2027:
Supply And Delivery Of One (1)
Unit New Passenger Van For The
Department Of Agriculture And
Agrifood.

(Yuran Tawaran: BND10.00 |
Borang Tawaran: BND15.00)



Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026
Tidak lewat dari jam
2.00 petang



Bilangan Sebut Harga:
DSS / FOR / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 016 (FOR)

Keterangan:
To Supply And Deliver Strmix™ Annual Upgrade And Maintenance (Standalone License) For Three Consecutive Years (2027-2029) For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
DSS / FOR / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 011 (FOR)

Keterangan:
To Supply And Deliver Single Channel Pipettes With Variable Volumes For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26 - 27 (03)

Keterangan:
Provision Of Food And Drink Vending Machines Services At Health Promotion Centre For A Period Of Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
(71) PSD / QTN / 2026 - (IT)

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Termination And Commissioning Of Network Points And Wireless Infrastructure For Berakas Health Screening Centre, Kementerian Kesihatan (MOH)

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 03

Keterangan:
Perbekalan Dan Penghantaran Dua Puluh Empat (24) Dram Racun Jentik-Jentik Bagi Kegunaan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1697) / 2026 / HTD (A12)

Keterangan:
The Provision Of Maintenance Services For Alcon Equipment For Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1688) / 2026 / HTD (A20)

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Automated Microbial Identification System Brand: Biomerieux, Model: Vitek 2 Compact 30, S/N: VK2C3946, BME6658 At Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1689) / 2026 / HTD (A20)

Keterangan:
Repair Service For One (1) Unit Of Handheld Raman Spectrometer, Brand: Thermo Scientific, Model: First Defender RMX, S/N: RM7470, BME20777, At Illicit Drugs Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1690) / 2026 / HTD (A20)

Keterangan:
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of Ion Chromatography System (IC-ICP-MS), Brand: Thermo Scientific, Model: ICAP QC, S/N: 03482R, BME19918 At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1695) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20183 (S/N:FB06A0002) At Room 1 PIHM Temburong Hospital And BME1675 (S/N:FB14F0170) At Cubicle 5A National Dental

Centre, For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(72) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Office Supplies, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(73) PSD / QTN / 2026 - (JKPPP)

Keterangan:
Pembekalan Jamuan Dan Packed Food Bagi Kursus-Kursus Pembangunan Kapasiti Dan Peningkatan Kemahiran Yang Dikendalikan Oleh Unit Pemantauan & Perkembangan Resusitasi (RDMU), Kementerian Kesihatan

Bilangan Sebut Harga:
(74) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of Instruments For Obstetric And Gynaecology Department, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(75) PSD / QTN / 2026 - (PHARM)

Keterangan:
Thermal Transfer Labels With Print [Rectangle Size 90MM (Width) X 60 MM (Height)] - For BRU-HIMS 2.0

Bilangan Sebut Harga:
(07) PPN / QTN / 2026 (DPH)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Printing



Materials And Merchandise For Dental Public Health, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
25 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:KA01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
14 Julai 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
28 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Pemeliharaan Bekalan Air Di Kawasan Lumut Dan Sungai Liang, Daerah Belait Untuk 3 Tahun.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-002-002

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM012 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.02

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (24 Bulan) Bagi Unit Kosong Flat Perumahan Di Bawah Kawalan Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Kawasan Perumahan Gadong, Kg. Beribi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
14 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
01 / KKBS / HK43 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Menghantar Bendera-Bendera Bagi Sambutan



Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup: 30 Julai 2026



Bilangan Sebut Harga :
(68) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga :
Pengubahsuaian Kotak Pelita Brunei

Bilangan Sebut Harga:
(69) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:



Penerbitan Buku Khas Jubli Platinum Pelita Brunei

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00
(Tidak Dikembalikan)


Tarikh Tutup:
Khamis, 23 Julai 2026
Jam 8.00 Pagi

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak “**Kalendar Saya**”

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn



IMBASAN MINGGUAN

ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



SALAH satu aktiviti yang disertakan semasa pelancaran Buku Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025 - 2029. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEORANG wanita berbangsa Cina bersama anak lelakinya memilih Islam sebagai pegangan hidup mereka. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SALAH seorang peserta memperdengarkan bacaannya semasa Pertandingan Membaca Ayat Suci Al-Quran bagi pelajar Berkeperluan Khas Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Kerajaan Tahun 2026. - Foto : Na'il Haris Haji Muhd. Nikman.



SALAH satu kumpulan semasa memperlihatkan aksi mereka di Pertandingan Sketsa Keselamatan Jalan Raya bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Senegara Tahun 2026. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SALAH seorang peserta di pertandingan Best914 Ke-22 peringkat akhir yang berlangsung di OneCity Shopping Centre, Salambigar. - Foto : Azmah Haji Ahad.

25 MURID DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN



PEMANGKU Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim hadir selaku tetamu khas majlis (atas). Manakala gambar kanan, para pelajar yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam**

BERAKAS, Sabtu, 11 Julai. - Bagi menyemai kecintaan terhadap Al-Quran serta menggalakkan generasi muda menjadikan pembacaannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian, Majlis Khatam Al-Quran terus diadakan di sekolah-sekolah agama di seluruh negara.

Penganjurannya bukan sahaja sebagai pengiktirafan kepada murid yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran, malah menjadi antara usaha berterusan

dalam mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran, di samping memperkukuh syiar Islam menerusi inisiatif Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sehubungan itu, seramai 25 murid Darjah VI, Sekolah Ugama Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching telah diraikan petang tadi pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan



Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pemangku Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Doa Sebelum Membaca Al-Quran, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang

dipimpin oleh tetamu khas majlis.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim serta Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Abdul Raqeeb Izzuddin bin Abdul Muizz.

Majlis kemudiannya diserikan dengan persembahan dikir, dan diteruskan dengan penyampaian sijil khatam Al-Quran serta acara merenjis minyak wangi kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Iskandarruddin Shah bin Haji Abdul Ghani, tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran seumpama berkenaan diharap akan terus menjadi pemangkin dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran, selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Melahirkan generasi cintakan Al-Quran



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah, Kawasan Brunei IV, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kanan).

KASAT, Sabtu, 11 Julai. - Sekolah Ugama Kasat hari ini meraikan seramai 13 pelajar Darjah VI yang telah berjaya menyempurnakan pembacaan kitab suci Al-Quran 30 Juzuk menerusi Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di sekolah berkenaan.

Hadir menyerikan majlis berkenaan, Pegawai Pengajian Islam Daerah, Kawasan Brunei IV, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli, yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai bagi memulakan acara.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha dan setelah itu, diteruskan dengan Doa Khatam Al-Quran

yang dibacakan oleh Awang Muhammad Israq Sya'rani bin Abdullah.

Dikir Asyrakal kemudiannya dipersembahkan oleh murid-murid Darjah IV dan Darjah V sekolah berkenaan.

Kemudian, penyampaian sijil dan merenjis minyak wangi kepada peserta khatam disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan merenjis minyak wangi daripada para ibu bapa dan penjaga murid yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Kasat, Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin.

Guru Besar Sekolah Ugama Kasat, Kawasan Brunei IV, Awang Haji Mohammad Malek Faishal bin Haji Saili ketika ditemui memanjatkan rasa syukur dan

puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita sekali lagi dapat mengungkayahkan Majlis Khatam Al-Quran bagi pelajar-pelajar Darjah VI Sekolah Ugama Kasat, Kawasan Brunei IV bagi 1448H/2026M.

Menurutnya, Majlis Khatam Al-Quran untuk pelajar-pelajar Darjah VI adalah merupakan aktiviti tahunan sekolah di bawah kendalian Unit Ko-Kurikulum, JPI. Daripada jumlah berkenaan, para peserta terdiri daripada sembilan pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan.

Dalam menjayakan majlis berkenaan jelasnya lagi, pihak sekolah melalui guru kanan Al-Quran dan guru-guru darjah sentiasa membuat pemantauan mengenai perkembangan bacaan Al-Quran pelajar-pelajar dari

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam



semasa ke semasa di samping meminta bantuan dan kerjasama daripada para ibu bapa atau penjaga.

Dalam kesempatan ini, beliau menyeru kepada pihak ibu bapa dan penjaga pelajar supaya akan dapat memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak sekolah dalam sama-sama membimbing pelajar-pelajar bagi melahirkan generasi Negara Brunei Darussalam yang suka dan cinta membaca, menghayati dan mengamalkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam isi Al-Quran.

"Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam sama-sama menjayakan majlis ini.

"Didoakan semoga segala sumbangan buah fikiran, masa, tenaga dan wang ringgit bagi menjayakan majlis ini akan

mendapat ganjaran dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, *Amin Ya Rabbal Alamin*," katanya lagi.

Tujuan majlis diadakan antara lain bagi menggalakan pelajar-pelajar untuk mengkhataamkan Al-Quran sebelum mereka menamatkan pengajian Darjah VI di persekolahan agama selain bagi mendidik para pelajar agar aktiviti membaca Al-Quran dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian mereka, di samping menghayati dan mengamalkan pengajaran yang terkandung dalam Al-Quran.

Majlis seumpama berkenaan juga diharap dapat mendidik pelajar-pelajar supaya sentiasa membaca Al-Quran dengan betul dan lancar serta mengikut hukum - hukum tajwidnya, sekali gus agar mutu pembacaan mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

PLATFORM MEMPERKUKUH KEFAHAMAN, PENGHAYATAN IBADAH HAJI MUALLAF

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Julai. - Belia Muallaf As-Syahadah dengan kerjasama Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima Sesi Ke-5 'All Aboard The Haji Express' yang diadakan pagi tadi di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH), Katok.

Program berkenaan merupakan sesi kelima dalam Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima yang memberi tumpuan kepada Rukun Islam yang kelima, iaitu haji.

Bengkel berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin dengan disertai oleh seramai 50 peserta terdiri daripada peserta program dan ahli jawatankuasa pelaksana program berkenaan.

Melalui sesi berkenaan, para peserta diberikan kefahaman asas mengenai ibadah haji dan seterusnya berpeluang melakukan aktiviti simulasi secara praktikal yang memberikan gambaran lebih jelas mengenai perjalanan dan tatacara pelaksanaan ibadah haji.

Di samping itu, para peserta turut didedahkan kepada hikmah

dan kepentingan ibadah haji dalam kehidupan seorang Muslim.

Program berkenaan juga memberi pendedahan mengenai pelbagai kemudahan dan bantuan yang disediakan kepada bakal jemaah haji dalam kalangan muallaf, sekali gus memberikan maklumat awal yang bermanfaat kepada mereka yang berhasrat untuk menunaikan ibadah berkenaan pada masa hadapan.

Penganjuran program berkenaan dihasrat dapat menjadi platform yang berkesan dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan ibadah haji dalam kalangan muallaf.

Melalui pendekatan simulasi dan pembelajaran secara praktikal, program berkenaan diharap dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai tatacara pelaksanaan ibadah haji, di samping menghayati hikmah ibadah berkenaan dalam bentuk keimanan, kesabaran dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, pelaksanaan Program Ikon Muallaf 2.0 diharapkan akan terus mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam usaha melahirkan muallaf yang berilmu, berkeyakinan serta berdaya tahan dalam menghayati ajaran Islam secara syumul.

Usaha berkenaan sekali gus menjadi pemangkin ke arah pembentukan masyarakat yang lebih berilmu, berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.



PROGRAM Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima Sesi Ke-5 'All Aboard The Haji Express' yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok (kiri dan bawah), manakala gambar atas, bengkel berkenaan disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.



Persembahan Malam Seni Budaya memeriahkan PBB 2026



BERAKAS, Sabtu, 11 Julai. - Dalam usaha untuk memeriahkan lagi Pesta Buku Brunei (PBB) 2026, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian malam tadi menganjurkan acara persembahan Malam Seni Budaya yang diadakan di Pentas Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Acara berkenaan dimulakan dengan persembahan Overture Tarian Medley Etnik, diikuti nyanyian bertajuk 'Kampung Ayer' dan seterusnya kuiz.

Turut diadakan ialah Pertandingan Menapih Sinjang, persembahan Tarian Rakyat, nyanyian bertajuk 'Kain Jong Sarat', Uji Bakat Tarian Tradisi Brunei dan Tarian Kayum O Ya

Kayum dan diakhiri dengan tarian penutup bertajuk 'Joget Seri Kenangan'.

PBB 2026 yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan diadakan selama 11 hari bermula 25 Muharam hingga 6 Safar 1448 Hijrah bersamaan 11 hingga 21 Julai 2026 Masihi dan dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula jam 8.30 pagi hingga 9.30 malam, kecuali 15 Julai 2026 dari jam 2.00 petang hingga 9.30 malam dan Jumaat pada jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 9.30 malam.

PBB 2026 diadakan sebagai usaha untuk memupuk budaya membaca dan memperkaya ilmu dalam kalangan masyarakat. PBB

tahun ini membawa tema 'Brunei Membaca : Masyarakat Intelpek' yang menekankan kepentingan membaca sebagai asas pembentukan masyarakat yang berilmu, berfikir kritis dan berdaya saing.

Selain itu, penganjuran PBB 2026 berkenaan juga adalah untuk memasyarakatkan budaya membaca dan membina apresiasi terhadap karya seni serta penulisan buku, mengukuhkan pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap budaya Brunei, bahasa dan sastera Melayu serta tulisan Jawi; menonjolkan identiti dan karya penulis buku, penggiat seni tempatan serta Perusahan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MALAM Seni Budaya yang diadakan di Pentas Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (atas, kiri dan bawah).



PUPUK KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN PERANCANGAN PERSARAAN



PROGRAM tersebut menghuraikan pelbagai aspek penting dalam perancangan persaraan, termasuk menetapkan sasaran pendapatan persaraan dengan mengenal pasti keperluan masa hadapan serta tindakan yang perlu diambil sejak awal bagi mencapai matlamat tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Tabung Amanah Pekerja (TAP), menerusi Unit Perkhidmatan Persaraannya, meneruskan usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan persaraan awal melalui Program '10 Years Towards Retirement' yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan.

Program tersebut merupakan antara inisiatif berterusan TAP yang menyasarkan ahli-ahli yang dijangka bersara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, khususnya mereka yang berumur 45 tahun ke atas.

Antara objektif utama program adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan lebih awal bagi mencapai gaya hidup persaraan yang dihasratkan. Selain itu, program turut bertujuan memudahkan peserta mendapatkan akses kepada institusi yang dapat membantu mereka merancang kewangan secara lebih tersusun, meningkatkan kewaspadaan terhadap penipuan kewangan serta memupuk sokongan komuniti dalam perjalanan merancang persaraan. Program berkenaan

menghimpunkan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan serta Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Sepanjang program, TAP membentangkan pelbagai aspek penting dalam perancangan persaraan, termasuk menetapkan sasaran pendapatan persaraan dengan mengenal pasti keperluan masa hadapan serta tindakan yang perlu diambil sejak awal bagi mencapai matlamat tersebut.

TAP turut mengetengahkan kepentingan Caruman Sukarela yang membolehkan ahli menambah simpanan dalam

Akaun Ahli Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) sebagai usaha memperkukuh dana persaraan pada masa hadapan.

Pada masa yang sama, TAP menjelaskan kesan pengeluaran simpanan sebelum mencapai umur persaraan, yang walaupun dapat memenuhi keperluan tertentu, boleh mengurangkan jumlah simpanan yang tersedia ketika persaraan. Sehubungan itu, ahli dinasihatkan supaya mempertimbangkan keperluan mereka dengan teliti sebelum membuat sebarang pengeluaran.

Dalam program sama, BDCB turut menyampaikan sesi mengenai isu-isu kewangan semasa yang memberi penekanan

terhadap penipuan kewangan, amalan pelaburan yang selamat serta kepentingan membuat keputusan kewangan secara berhemah dan berdasarkan maklumat yang tepat.

Peserta juga berpeluang mengunjungi beberapa ruai pameran kewangan yang menawarkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan berkaitan persaraan. Selain itu, TAP turut menyediakan kemudahan pendaftaran di lokasi bagi portal dalam talian e-Amanah yang membolehkan ahli menyemak maklumat terkini Akaun SPK serta mengakses pelbagai perkhidmatan TAP dengan lebih mudah dan efisien.

AGM YEAB menilai perkembangan, membincangkan inisiatif persatuan



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2026 di Mavens' Hive, Kiulap.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association Brunei - YEAB) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2026 di

Mavens' Hive, Kiulap, hari ini. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh 12 ahli penuh, termasuk Presiden YEAB, Goh Chai Li, bagi menilai perkembangan persatuan, membincangkan inisiatif akan

datang serta meneliti beberapa perkara berkaitan tadbir urus organisasi.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden YEAB, diikuti pembentangan mengenai aktiviti dan pencapaian persatuan

sepanjang tahun lalu oleh Sekretariat YEAB, Dayang Rasyidah binti Haji Zainul.

Para ahli turut diberikan perkembangan terkini mengenai keahlian persatuan, rangkaian keusahawanan serta pelan strategik yang akan dilaksanakan bagi tahun mendatang.

Sementara itu, Bendahari YEAB, Ron See membentangkan laporan kewangan persatuan yang memberikan gambaran keseluruhan mengenai prestasi dan kedudukan kewangan YEAB.

Mesyuarat diakhiri dengan sesi makan tengah hari dan jaringan profesional yang ditaja oleh salah sebuah Ahli Penuh YEAB, Bonda Restaurant, sekali gus memberi peluang kepada para ahli untuk bertukar pandangan,

menguatkan hubungan profesional serta memperbaharui komitmen dalam memperkasa pembangunan keusahawanan belia di Negara Brunei Darussalam.

YEAB kini mempunyai 37 ahli penuh dan terus berkembang sebagai platform yang menghubungkan usahawan muda menerusi aktiviti jaringan, pembangunan kapasiti, advokasi dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Keahlian YEAB dibuka sepanjang tahun kepada usahawan muda yang baharu mahupun yang telah bertapak, bagi mereka yang ingin memperluaskan rangkaian, meningkatkan pengetahuan serta mengembangkan perniagaan.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي قخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



توغت: سني، وارثن دان ايدنتيتي بودايا

Oleh : Safwan A.B dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

بلاگھ اتاو اوسيا. اوسها مھليھارا سني اين فنتيغ اكر كھاميرن تراديسيونل تيدق فوفوس دتلن اروس فمودنن دان فركمبھن تيكنولوگي يغ سھاكين فست. دغن اداھن فوارينھن علمو، سني فمبواتن توغكت داھت تروس بركمبھ سھاگاي سھاگين درھد ايدنتيتي بودايا بھسا.

توغكت بوليھ دھراوليھ درھد فھومھول فرسنديرين، فھوسھا كرفتاغن تھشن سرتا ملالوئي تامو^۲ يغ داداھن دسلورھ نكارا. دسمھيغ ايت، اورغ راماي جوگ برھلواغ مليھت كوليكسي توغكت سچارا لبيھ دكت دبالاي خزانه اسلام سلطان حاج حسن البلقية (BKISHHB) خصوص دگالي ۹، كسينن اسلام، توغكت دان تسبيح.

كوليكسي توغكت يغ دھاميركن د BKISHHB مروفان كوليكسي فريادي كباوھ دولي يھما مليا فادك سري بھندا سلطان دان يھدھرتوان نكارا بروني دارالسلام. كوليكسي ترسبوت مھبري فلواغ كھد قارا فھونجوغ اونتوق مليھت سچارا دكت كاونيكن ريك بنتوق، باھن، اوكرين سرتا نيلاي سني يغ ترداھت فھ ستياھ توغكت. اوليھ يغ دمكين، BKISHHB بوكن سھاج منجادي دبستيناسي لاوتن، مالھ تورت برھران دالم مھركنلكن توغكت سھاگاي وارثن بودايا يغ مھپوپاي نيلاي سچارھ، سني دان ايدنتيتي ترسنديري.

سكيتر. انتارا جنيس كايو يغ سريغ دكونان اونتوق مھبوات توغكت اياھ ليمھانس، نييوغ، بوليھن، سلھن بارو دان مريو. كايو^۲ اين تركنل كران كھوتان، كھانھن دان كايندھن سمولاجاھن. كھاپھكن بوليھ دھاھتي دھوتن نكارا كيت دان هوتن تروھيكا بورنيو.

ريكان سسبواھ توغكت برھنتوغ كھد كرياتبوتي فمبواتن. توغكت لوروس مروفان ريك بنتوق يغ فاليغ لازيم دتموئي، نامون فلباگاي ايليم تھبھن بوليھ دترھكن باكي منيھكتكن نيلاي ايسيتيكا، سھرتي اوكرين، ليھكرن، جورق فلورا دان فاونا، سرتا موتيف تراديسيونل. بھاگين كھالا اتاو فھكھ توغكت سريغ منجادي تومھوان اوتام كران مھبريكن ايدنتيتي كھد كسلورھن ريك بنتوق سسواتو توغكت. كھلباگين بنتوق فھكھ مھرليھتكن كابوھن انتارا فوھسي، كسليسان دان نيلاي سني. انتارا جنيس فھكھ توغكت يغ فوفولر اياھ derby، crook، knob دان fritz، يغ ماسيغ^۲ مھپوپاي چيري سرتا كلبھن ترسنديري.

انتارا كاونيكن سني فمبواتن توغكت اياھ كھاميرن ترسبوت بوليھ دھلاجري سرتا دھاريھكن كھد كينراسي ستروسن. اينديويديو يغ برھالمن بوليھ برھوھسي علمو دان تيكنيك فمبواتن كھد كولوھن مودا يغ برھينت تنھا مھيرا لائر

باتھ توغكت دھاسيلكن ملالوئي بيراف فروسيس يغ تليتي، برھولا درھد فھليھن باھن، فھبنتوقن باتھ، فھوكيرن، كھسن فرھوكان سھيھك فروسيس فھكھلھن اھير. كھالوسن ھاسيل كرجا سساورھ فمبوات توغكت داھت دليھت ملالوئي كھشن ريك بنتوق، كسليسان فھكھن سرتا نيلاي ايسيتيكا يغ دترھكن فھ ستياھ ھاسيل كاري.

كايو مروفان باھن يغ فاليغ فوفولر دكونان دالم فمبواتن توغكت كران صيھتن يغ تھن لام، مودھ دبنتوق دان مھپوپاي نيلاي ايسيتيكا يغ تيھكي. سلاين ايت، فلباگاي جنيس كايو تھشن مھليقي جورق اورت كايو يغ اونيك، منجاديكن ستياھ توغكت مھپوپاي ايدنتيتي ترسنديري.

مشاركت ملايو مھپوپاي فھتھاھوان يھ لواس مھناي فلباگاي جنيس كايو دان كھوناھن. كاوافايھن مھليھ جنيس كايو يھ سسوي منونجوكھن كھيجھسانان مشاركت ملايو دالم مھنھتكن سومبر عالم

توغكت مروفان سالھ ساتو الت يھ سريغ دليھت دالم كھيدوھن مشاركت. فھ اساسن، توغكت دكونان سھاگاي الت بنتوان برھالن، خصوص باكي ورك امس اتاو اينديويديو يھ مھرلوكن سوھون تھبھن كتيك برھق. نامون دمكين، دسباليق بنتوقن يھ ريھكس، توغكت مھپوپاي سچارھ يھ فھجھ سرتا نيلاي بودايا، سني دان وارثن يھ مناريق اونتوق دكھھھن.

توغكت تلھ وجود سھق زمان ماھسي فورا، والاھون تاريخ سبھر فھچھتھان تيدق داھت دھستيكن. برھاسركن فھمون اركيولوگي دان كاجين سچارھ، توغكت دھراجاي مروفان انتارا الت تراول يھ دكونان اوليھ ماھسي. فھ فريھكت اول، توغكت برھوھسي سھاگاي الت بنتوان كتيك برھالن، الت مھورو سرتا الت فھلنديوھن ديري درھد انھمن حيوان ليار دان موسوھ.

سني فمبواتن توغكت مروفان سالھ ساتو چاھ كرفتاغن يھ مھرلوكن كھاميرن، كصبرن دان كرياتبوتي يھ تيھكي. ستياھ

OPERASI USAI 160/2026 PASTIKAN MAJIKAN PATUHI AKTA PEKERJAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 160/2026 di kawasan Kampung Salar pada 1 Julai 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan borong telah mendapati sebanyak 10 kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja tempatan dan asing, iaitu Bab 10, majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara

bertulis; Bab 39(2), majikan gagal membayar kerja lebih masa; Bab 44, majikan membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Akta Pekerjaan, Penggal 278; Bab 64, pekerja bekerja pada Hari Kelepasan Awam; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan; Bab 70, majikan gagal memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan; dan Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja dan gagal memberikan cuti tambahan satu hari bagi setiap 12 bulan dalam perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama.

Sementara itu Bab 72, majikan

gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; Bab 91, majikan gagal memberikan cuti penuh hak cuti bersalin mengikut peraturan yang telah ditetapkan di mana pekerja wanita tempatan yang sewaktu di dalam cuti bersalin hanya diberikan 60 hari cuti bersalin sahaja dan bagi pekerja berjawatan tahap tidak mahir jika hendak bersalin akan dikehendaki berhenti kerja oleh majikan; dan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan pekerja binaan melakukan pekerjaan sebagai penyamak stok.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278 dan jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis yang ditandatangani oleh majikan dan pekerja, majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa jika pekerja bekerja melebihi lapan jam



OPERASI Usai 160/2026 di kawasan Kampung Salar pada 1 Julai 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan (atas dan kiri).

sehari atau bekerja melebihi 44 jam dalam seminggu.

Selain itu majikan hendaklah membuat pemotongan gaji yang selaras dengan kehendak undang-undang, majikan hendaklah jika pekerja bekerja pada hari kelepasan awam majikan hendaklah membayar ganda atau mengganti cuti pada hari lain, bekerja pada hari rehat hendaklah dibayar ganda atau diganti cuti pada hari lain, pekerja-pekerja tidak boleh bekerja melebihi lapan jam sehari dan tidak boleh melebihi 12 jam sehari bagi pekerja shif serta tidak dibenarkan bekerja lebih masa melebihi

daripada 72 jam dalam sebulan.

Memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, memberikan cuti tahunan berbayar setelah tiga bulan berkhidmat di syarikat yang sama, memberikan cuti sakit berbayar yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Operasi Sepadu kesan pelbagai kesalahan

OPERASI Bersepadu Daerah Polis Brunei - Muara yang dijalankan di dua lokasi dalam kawasan Bandar Seri Begawan baru-baru ini (kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Julai. - Satu Operasi Bersepadu Daerah Polis Brunei - Muara telah dijalankan di dua lokasi dalam kawasan Bandar Seri Begawan baru-baru ini. Operasi tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei - Muara, Penguasa Kanan Polis Haji Mohamad Noor bin Haji Abd. Rahman.

Operasi tersebut turut disertai oleh Ahli Daerah Polis Brunei - Muara, Unit Siasatan Permerdagangan Manusia, Unit Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Jabatan Buruh, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan serta Bahagian Penguatkuasa Ugama (BPU) dengan penyertaan seramai lebih 200 orang anggota



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

gabungan agensi berkenaan.

Hasil daripada operasi tersebut, JIPK telah menahan seorang lelaki dan seorang perempuan warga asing untuk disiasat di bawah Akta Imigresen.

Jabatan Buruh turut mengesan tiga kesalahan di bawah Bab 81 iaitu kegagalan menyediakan tempat tinggal pekerja serta pengurusan kebersihan persekitaran yang tidak menurut peruntukan undang-undang, dan dua kesalahan di bawah Bab 86 kerana gagal mengisytiharkan tempat tinggal dalam Lesen Pekerja Asing.

Sementara itu, JPE mengesan dua kesalahan di bawah Akta Elektrik (Bab 71). Unit Siasatan Permerdagangan Manusia turut menemu bual seramai 19 orang di kedua-dua zon operasi, namun tiada kesalahan jenayah permerdagangan orang dikesan sepanjang operasi dijalankan.

Operasi Bersepadu ini merupakan usaha berterusan PPDB bersama agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memastikan pematuhan undang-undang serta kesejahteraan awam di Daerah Brunei - Muara amnya.

جائين فرانچون ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“Boleh percaya kan tu?”

“Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?”

“Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?”

“Iawah? Banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna





JEPUN BERDEPAN EL NINO, RISIKO JEJAS PERTANIAN

TOKYO, 11 Julai. - El Nino muncul buat kali pertama dalam tempoh dua tahun dan dikhuatiri akan menjadi 'El Nino super' atau El Nino luar biasa, yang akan meningkatkan risiko haba melampau di Jepun walaupun corak kebiasaannya dikaitkan dengan musim panas yang lebih sejuk, lapor Kyodo News.

Pakar memberi amaran kepanasan seperti itu boleh menjejaskan kualiti beras Jepun sekali lagi tahun ini, seperti yang berlaku semasa El Nino 2023-2024.

Petani sudah beralih kepada varieti tahan panas selepas kerosakan tanaman akibat haba pada 2023 mencetuskan kekurangan dan membawa kepada lonjakan harga.

Yoshihiro Tachibana, seorang profesor meteorologi di Universiti Mie, berkata El Nino sebelum ini menyaksikan purata suhu permukaan laut bulanan meningkat sebanyak 2.3 darjah Celcius, dan beliau mengaitkan haba musim panas itu dengan kemerosotan kualiti beras.

Di Matsuyama, petani padi Koji

Nishimoto, 42, tahun ini beralih kepada varieti tahan panas 'Niji no Kirameki'.

Beliau berkata, "Saya bimbang tentang panas yang melampau, tetapi tiada apa yang boleh saya lakukan mengenainya. Petani di sekeliling saya juga beralih".

Ryota Kaji, ketua kumpulan pembiakan padi di Pertubuhan Penyelidikan Pertanian dan Makanan Kebangsaan, yang membangunkan varieti itu, berkata, "Ia meluas lebih daripada yang dijangkakan. Ini mungkin

bermakna ramai pengeluar sedang bergelut dengan kepanasan yang melampau".

Tachibana juga memberi amaran mengenai kesan (panas) ke atas tanaman selain padi dan perikanan, dengan berkata, "Adalah penting untuk menyedari

pemanasan yang dicetuskan oleh cuaca yang tidak normal. Sambil mengekalkan gaya hidup yang disesuaikan dengan hujan lebat dan panas melampau, kita perlu mengubah tindakan kita, seperti berusaha untuk mengurangkan karbon dioksida". - ©BERNAMA

Angka kematian gempa bumi Venezuela lepassi 4,000

HAMILTON, 11 Julai. - Angka korban akibat gempa bumi berkembar di Venezuela meningkat kepada 4,118 orang, manakala 16,740 lagi cedera dan ribuan penduduk hilang tempat tinggal, kata Presiden Perhimpunan Kebangsaan Jorge Rodriguez pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam kemas kini di platform media sosial X, Rodriguez menyatakan sebanyak 86,794 keluarga telah menerima bantuan susulan bencana berkenaan.

Beliau berkata seramai 6,462

orang berjaya diselamatkan manakala 856 bangunan mengalami kerosakan dan 190 lagi runtuh.

Pihak berkuasa mengagihkan 9,766 tan metrik makanan dan lebih 13.9 million liter air manakala 29,966 pesakit telah menerima rawatan perubatan, tambah Rodriguez.

Menurut beliau, sebanyak 30,076 anggota dan 29,843 sukarelawan dikerahkan untuk misi bantuan, dengan sokongan 3,454 petugas penyelamat antarabangsa.

Sebanyak 89 kem sementara didirikan untuk penduduk yang kehilangan tempat tinggal dan pihak berkuasa merekodkan 1,171 gempa susulan.

Dua gempa bumi berukuran 7.2 dan 7.5 magnitud melanda negara Amerika Selatan itu pada 24 Jun, dengan selang masa hanya 39 saat.

Gempa berkenaan mengakibatkan kemusnahan meluas, mencetuskan tindak balas kemanusiaan berskala besar di peringkat domestik dan antarabangsa. - ©BERNAMA

Bekalan elektrik terputus lagi di Cuba selepas 4 hari

HAVANA, 11 Julai. - Cuba mengalami satu lagi insiden bekalan elektrik terputus diseluruh negara, yang kedua dalam tempoh hanya empat hari, menurut Kementerian Tenaga pada Jumaat, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Menurut kementerian itu, protokol kecemasan untuk memulihkan bekalan kuasa telah diaktifkan.

Pulau Caribbean sosialis itu mengalami krisis tenaga yang teruk akibat infrastruktur usang dan sekatan minyak selama berbulan-bulan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS), katanya.

"Kejadian itu berlaku di tengah-tengah krisis tenaga kritikal dan negara itu sudah pun mengalami krisis yang teruk," menurut Granma, akhbar rasmi Cuba, di platform media sosial X.

Di bawah protokol itu, keutamaan adalah memastikan bekalan untuk kemudahan seperti hospital, katanya.

Syarikat elektrik negeri UNE pada mulanya tidak memberikan maklumat mengenai punca gangguan baharu itu.

Kerajaan di Havana menyalahkan sekatan AS atas gangguan bekalan elektrik yang berterusan.

Terkini, Presiden AS Donald Trump pada Januari mengancam negara-negara yang mengeksport minyak ke Cuba dengan tarif hukuman.

Hal itu menyebabkan bekalan dari luar negara terhenti hampir sepenuhnya.

Pulau berkenaan hanya boleh menampung sebahagian daripada keperluan minyaknya.

Washington sedang berusaha untuk memaksa pembukaan ekonomi dan politik pulau itu melalui pelbagai langkah tekanan. - ©BERNAMA

Algeria berdepan 119 kebakaran hutan, tanah pertanian

ISTANBUL/HAMILTON, (Kanada), 11 Julai. - Direktorat Am Perlindungan Awam Algeria merekodkan 119 kebakaran di beberapa wilayah sejak awal Khamis yang menjejaskan hutan, tanah pertanian dan kebun sawit, menurut agensi itu pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Petugas memadamkan 114 kebakaran dan mengawal empat yang lain untuk mengelakkan kebakaran, menurut kenyataan

jabatan itu.

Satu kebakaran hutan kekal aktif di Guigba, melanda komuniti Kalaa Bousbaa di timur laut wilayah Guelma dan pasukan intervensi meneruskan usaha untuk mengawalinya.

Kebakaran berasingan yang menimpa pokok buah-buahan di utara Tlemcen juga sedang dipantau.

Kebakaran berlaku ketika

gelombang haba mencengkam beberapa wilayah utara, dengan suhu diramalkan mencecah 46°C hingga Ahad.

Pihak berkuasa menggesa penduduk, khususnya warga emas, kanak-kanak dan mereka yang menghidap penyakit kronik, mengehadkan pendedahan kepada matahari dan berada di dalam rumah pada waktu puncak panas. - ©BERNAMA

Republik Rakyat China ikuti jejak SpaceX - kejayaan pertama pulihkan peringkat roket boleh guna semula

BEIJING, 11 Julai. - Republik Rakyat China berjaya melaksanakan pemulihan terkawal pertama bagi peringkat penggalak roket boleh digunakan semula, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Perkara itu dilaporkan oleh agensi berita rasmi Republik Rakyat China, Xinhua, pada Jumaat selepas kenderaan pelancar seksyen roket baharu Long March-10B berjaya diselamatkan sebuah platform di laut.

Kejayaan itu disifatkan oleh media milik kerajaan Republik Rakyat China sebagai "satu pencapaian penting".

Video yang dikeluarkan Xinhua menunjukkan peringkat roket itu menghampiri platform berkenaan dengan enjinnya masih beroperasi sebelum mendarat hampir secara menegak ke dalam struktur penangkap berbentuk segi empat tepat yang tinggi. Cangkuk logam kemudian terbuka dan mencengkam kabel khas pada struktur penangkap itu.

Roket Long March, yang dinamakan sempena pengunduran ketenteraan sejauh 9,600 kilometer oleh Tentera Merah China semasa Perang Saudara China antara 1934 hingga 1935, dilancarkan dari Pusat Angkasa Hainan dan berjaya meletakkan sebuah satelit ke orbit.

Operasi itu menjadikan Republik Rakyat China negara kedua selepas Amerika Syarikat (AS) yang memiliki teknologi dipercayai bagi roket boleh digunakan semula, menurut laporan itu.

Syarikat angkasa lepas Amerika Syarikat, SpaceX, yang dikawal oleh Elon Musk, pertama kali berjaya memulihkan peringkat roket pada Oktober 2024 semasa penerbangan ujian kelima roket mega Starship V3.

Ia merupakan kali pertama di dunia peringkat pertama sesebuah roket berjaya dipulihkan menggunakan sistem pemulihan berasaskan kabel.

Republik Rakyat China juga membangunkan program roket boleh digunakan semulanya sejak beberapa tahun lepas. Selain program angkasa lepas kerajaan, beberapa syarikat swasta Republik Rakyat China turut membangunkan teknologi itu bagi mengurangkan kos pelancaran satelit dan muatan lain ke angkasa lepas. - ©BERNAMA

Taufan kuat landa selatan Jepun, amaran tanah runtuh, banjir dikeluarkan

TOKYO, 11 Julai. - Taufan kuat melanda wilayah pulau Okinawa di selatan Jepun pada Sabtu, menjejaskan beberapa penerbangan dan mendorong agensi cuaca mengeluarkan amaran tanah runtuh dan banjir, lapor Kyodo News.

Taufan Bavi diramal membawa

angin kencang yang berpotensi merosakkan rumah, selain ombak tinggi dengan risiko banjir di kawasan rendah berhampiran pantai dan sungai, menurut Agensi Meteorologi Jepun.

Ia dijangka melanda Kepulauan Sakishima dan

bergerak keluar dari Jepun.

Setakat 6 pagi, taufan kesembilan musim itu bergerak dengan kelajuan kira-kira 20 kilometer sejam (kph) ke timur-barat daya Pulau Miyako di Okinawa, membawa angin berkelajuan sehingga 216kph. - ©BERNAMA

GELOMBANG HABAB MENYEBABKAN MENARA EIFFEL, MUZIUM DI PARIS DITUTUP LEBIH AWAL



PARIS, 12 Julai. - Menara Eiffel di Paris mengumumkan menerusi laman sesawang rasminya pada Sabtu bahawa ia akan ditutup pada jam 4 petang (1400 GMT) pada Sabtu dan Ahad disebabkan oleh suhu yang meningkat dengan ketara, berbanding waktu tutup biasa pada jam 00:45 pagi (2245 GMT) pada hari berikutnya.

Muzium Louvre dan Muzium Orsay di Paris juga telah memendekkan waktu operasi mereka. Louvre akan ditutup pada jam 4 petang (1400 GMT) hingga

13 Julai, manakala Muzium Orsay akan ditutup pada jam 5 petang (1500 GMT) hingga 15 Julai.

Menurut laporan media Republik Perancis, kira-kira satu perempat daripada wilayah negara itu kini berada di bawah amaran merah berikutan cuaca panas melampau.

Meteo-France meramalkan suhu tertinggi 36 darjah Celsius di Paris pada Sabtu, dengan suhu di beberapa bahagian lain di negara ini dijangka mencecah 39 hingga 40 darjah Celsius.

Gelombang haba yang sedang melanda itu dijangka berterusan sehingga pertengahan minggu depan. - ©XINHUA

PAPAN elektronik memaparkan maklumat mengenai penutupan awal Menara Eiffel berikutan suhu tinggi di Paris, Republik Perancis.

Kebanyakan mangsa nahas bot Republik Sosialis Viet Nam dari Tamil Nadu

HYDERABAD, 12 Julai. - Majoriti mangsa kemalangan bot laju di Republik Sosialis Viet Nam pada Sabtu adalah dari negeri Tamil Nadu di India yang sedang mengikuti lawatan insentif korporat.

Bot yang membawa 32 pelancong Republik India dan empat anak kapal itu terbalik kira-kira 400 meter dari pulau Hon May Rut Ngoai berhampiran pulau Phu Quoc, mengorbankan 13 pelancong lelaki dan dua wanita.

Sepuluh daripada yang maut

adalah dari Tamil Nadu, tiga dari negeri Andhra Pradesh dan dua dari Kerala, menurut senarai yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Republik Sosialis Viet Nam.

Kesemuanya dikaitkan dengan syarikat telefon mudah alih Republik India, Lava, dengan 14 merupakan peruncit, pengedar atau penganjur jualan.

"Kami di Lava amat berdukacita untuk mengesahkan bahawa 14 daripada rakan kongsi saluran kami dan seorang ahli pasukan Lava

kami telah kehilangan nyawa secara tragis dalam kemalangan bot awal hari ini berhampiran Pulau Phu Quoc, Republik Sosialis Viet Nam," menurut syarikat itu dalam catatan di X pada petang Sabtu.

Kumpulan tersebut berada di Republik Sosialis Viet Nam sebagai sebahagian daripada lawatan yang dianjurkan oleh syarikat itu untuk pengedar dan pekerja dari selatan Republik India, menurut laporan media Republik India. - ©BERNAMA

Forum di Taskent cadang penubuhan pakatan Tamadun Islam Dunia

TASHKENT, 12 Julai. - Peserta Forum Tamadun Islam Antarabangsa yang julung kali diadakan di sini mencadangkan penubuhan Pakatan Tamadun Islam Dunia bagi menyelaraskan penyelidikan, pendidikan dan pemeliharaan warisan Islam secara global, sekali gus menandakan fasa baharu dalam kerjasama ilmiah antarabangsa.

Cadangan itu terkandung dalam kenyataan yang diterima pakai oleh peserta pada penutupan forum empat hari itu minggu ini, yang disampaikan kepada Presiden Uzbekistan Shavkat Mirziyoyev.

Menurut kenyataan itu, menurut yang dicadangkan akan menyelaraskan program penyelidikan bersama, memperluas pertukaran akademik, melatih pakar, melaksanakan inisiatif penerbitan antarabangsa, memelihara warisan budaya serta memperkukuh kerjasama kemanusiaan dalam kalangan negara.

"Bagi menterjemahkan keputusan Forum ini kepada tindakan praktikal, kami berhasrat, dengan berunding dengan Tuan Yang Terutama, untuk mengemukakan inisiatif bagi menubuhkan Pakatan Tamadun Islam Dunia".

"Keputusan yang diterima pakai sepanjang Forum ini jelas

menunjukkan bahawa inisiatif murni ini, yang bermula di Uzbekistan, telah mendapat sokongan antarabangsa yang luas dan kini menjadi usaha bersama komuniti ilmiah dan intelektual global," menurut peserta forum.

Kenyataan itu dibacakan oleh Pengarah Eksekutif Yayasan Al-Furqan, Sali Shahsivari, bagi pihak delegasi dari lebih 50 buah negara pada majlis penutupan tersebut. Mereka turut menegaskan kesediaan untuk menggabungkan sumber intelektual, akademik dan kerohanian bagi melaksanakan resolusi forum serta memelihara tamadun Islam demi generasi akan datang.

Ucapan berkenaan menyatakan sokongan penuh terhadap Deklarasi Tashkent dan Pelan Hala Tuju Pemeliharaan, Pengajian dan Kemajuan Tamadun Islam, dengan menyifatkan kedua-dua dokumen itu sebagai asas yang kukuh untuk kerjasama antarabangsa jangka panjang.

Para peserta menyatakan forum tersebut telah memulakan peringkat baharu dalam kerjasama global untuk mengkaji, memelihara dan mempromosikan warisan tamadun Islam sebagai sebahagian daripada warisan kerohanian, budaya dan intelektual

bersama umat manusia.

Kenyataan itu turut menyifatkan Pusat Tamadun Islam di Uzbekistan sebagai sebuah institusi ilmiah dan pendidikan beraraf dunia yang sedang berkembang, yang dijangka menjadi hab antarabangsa utama bagi penyelidikan, inovasi serta kerjasama antara kerajaan, universiti, muzium, perpustakaan dan pusat penyelidikan.

"Kami amat menghargai usaha gigih Tuan Yang Terutama untuk memelihara, mengkaji dan mempromosikan warisan ilmiah dan kerohanian yang kaya daripada nenek moyang kita.

"Penubuhan Pusat Tamadun Islam di Uzbekistan, Kompleks Memorial Imam al-Bukhari, Pusat Penyelidikan Antarabangsa Imam al-Bukhari, Pusat Penyelidikan Antarabangsa Imam al-Maturidi dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Imam al-Tirmidhi menjadi bukti jelas kepada usaha murni ini," katanya.

Forum Tamadun Islam Antarabangsa pertama, yang diadakan di bawah tema "Keamanan, Toleransi dan Pencerahan" pada 7 hingga 10 Julai, menghimpunkan ketua organisasi antarabangsa, menteri, mufti, ilmuwan, serta wakil daripada institusi akademik dan budaya dari lebih 50 negara. - ©BERNAMA

Seorang maut, 2 cedera dalam insiden tikam di timur Australia

SYDNEY, 12 Julai. - Seorang lelaki maut dan dua lagi dimasukkan ke hospital berikutan dua insiden tikam berasingan di negeri New South Wales (NSW) Australia, kata polis.

Menurut Polis NSW, perkhidmatan kecemasan bertindak balas terhadap laporan kejadian tikam di pinggir bandar Hamilton South, kira-kira 115 kilometer ke utara Sydney, sekitar 3.30 petang Sabtu, lapor Xinhua.

Pegawai polis tiba di tempat kejadian dan mendapati seorang lelaki dipercayai berusia 40-an dengan kesan tikaman. Dia dirawat oleh paramedik ambulans sebelum dibawa ke hospital, namun kemudian meninggal dunia.

Dalam kejadian berasingan, perkhidmatan kecemasan dipanggil susulan laporan serangan di sebuah rumah di barat Sydney sejurus selepas tengah malam.

Polis NSW berkata pegawai menemui sekumpulan penduduk berkumpul di rumah itu tetapi pada mulanya tidak menjumpai sesiapa yang mengalami kecederaan.

Tidak lama kemudian, dua lelaki dipercayai berusia 20-an, ditemui berhampiran dalam kenderaan berasingan, seorang dengan kesan tikaman pada bahagian badan dan seorang lagi cedera pada paha.

Kedua-duanya dibawa ke hospital dalam keadaan stabil. Polis telah mewujudkan tempat kejadian jenayah di kedua-dua lokasi dan sedang menyiasat kes. - ©BERNAMA

Dua maut, enam cedera dalam insiden tembakan di Festival Salsa, Toronto

NEW YORK, 12 Julai. - Dua orang maut dan enam cedera dalam satu insiden tembakan di sebuah festival salsa di bandar Toronto, Kanada, menurut polis pada Ahad.

Suspek masih bebas, kata pihak polis Toronto menerusi hantaran di platform X, seperti yang dilaporkan oleh Agensi Berita Jerman, DPA.

Kejadian berlaku sejurus selepas 8 malam (0000 GMT) pada Sabtu di festival Salsa on St Clair yang berlangsung di bandar pelabuhan di tepi Tasik Ontario itu.

Ketika kejadian, orang ramai sedang berseronok di jalanan dengan diiringi muzik Amerika Latin.

Menurut laman web penganjur, festival yang menampilkan muzik, barisan artis dan hidangan istimewa Amerika Latin itu berjaya menarik ratusan ribu pengunjung ke jalan-jalan di sekitar kawasan kejiranan Hillcrest Village pada setiap tahun. - ©BERNAMA

Penduduk diarah berpindah, api marak di selatan California, AS

LOS ANGELES, 12 Julai. - Kebakaran hutan di California Selatan, Amerika Syarikat melanda hampir 2,700 ekar (kira-kira 10.9 kilometer persegi) pada Sabtu, memaksa penduduk berpindah di tengah-tengah gelombang haba yang berbahaya, lapor Xinhua.

Kebakaran itu, yang digelar "Summit", dilaporkan kira-kira 1 tengah hari Jumaat waktu tempatan di Llano, sebuah komuniti kecil berhampiran sempadan daerah Los Angeles dan San Bernardino. Api gagal dibendung pada pagi Sabtu, menurut Jabatan Perhutanan dan Perlindungan Kebakaran California.

Arahan dan amaran berpindah telah dikeluarkan untuk kawasan berhampiran. Pegawai berkata anggota bomba terus berjuang memadamkan kebakaran dari udara dan tanah. Bentuk muka bumi yang curam dan tidak rata menyukarkan akses namun anggota tetap giat memadamkan kebakaran, dengan helikopter menyediakan sokongan udara.

Suhu di kawasan itu dilaporkan meningkat kepada hampir 100 darjah Fahrenheit (37.8 darjah Celsius) pada Jumaat, dan nasihat haba kekal berkuat kuasa untuk sebahagian besar California Selatan hingga pagi Selasa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MENGENAL PASTI BAKAT BAHARU SUKAN TINJU



MAJLIS Penyampaian Sijil kepada para peserta program disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau (kiri), manakala gambar kanan, Program Gemilang Sukan Tinju, yang berlangsung di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia Temburong.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

TEMBURONG, Ahad, 12 Julai. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Temburong dengan kerjasama House of Fitness, Dboxeo Boxing Gym dan Kelab Pusat Belia Temburong telah menganjurkan Program Gemilang Sukan Tinju, yang berlangsung di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia

Temburong.

Program berkenaan telah disertai 10 belia dari Daerah Temburong.

Penganjuran program berkenaan bertujuan untuk memperkenalkan dan mengembangkan sukan tinju khususnya di Daerah Temburong serta sebagai salah satu

sukan yang mampu membentuk individu yang cergas, berdisiplin, berkeyakinan tinggi serta memiliki semangat kesukanan yang kukuh.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai sesi latihan asas sukan tinju yang dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dan bertauliah. Antara pengisian

program termasuk pengenalan kepada sukan tinju, teknik asas pukulan dan pertahanan, pergerakan kaki (*footwork*), latihan kecergasan fizikal, penggunaan peralatan tinju yang betul, aspek keselamatan semasa latihan serta sesi latihan praktikal yang memberi peluang kepada peserta mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha jabatan dalam memperluaskan peluang penyertaan belia dalam aktiviti sukan yang sihat dan produktif. Di samping itu, program berkenaan menjadi platform untuk memupuk minat dan mengenal pasti bakat-bakat baharu dalam sukan tinju yang berpotensi diketengahkan bagi menyertai latihan lanjutan dan pertandingan di pelbagai peringkat.

Acara diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta program yang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Pihak jabatan akan terus komited menganjurkan pelbagai program pembangunan sukan dan belia yang berkualiti, selaras dengan usaha memperkasa penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan serta melahirkan generasi belia yang sihat, cemerlang dan berdaya tahan.

Lebih 350 sertai Larian Amal Sambutan Jubli Intan MHBPT

TUTONG, Ahad, 12 Julai. - Lebih 350 peserta menyahut cabaran dalam Larian Amal Sambutan Jubli Intan Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) anjuran MHBPT dengan kerjasama Tutong Runners selaku penganjur utama, Shahney Event Management dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panchor, Daerah Tutong berlangsung di MHBPT, pagi tadi.

Acara larian amal yang turut disokong oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Samakday Tyre, The Fisherman's Hut, Artisan Fresh Water, Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad dan Suran Shell Filling Station sebagai penaja acara berkenaan.

Penyertaan larian amal berkenaan telah dibukakan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan warga asing yang bekerja di NBD dengan dibahagikan kepada dua kategori larian, iaitu Kategori 10 Kilometer (km) dan Kategori 5km.

Kedua-dua kategori berkenaan dibahagikan lagi kepada beberapa kategori di bawahnya, iaitu Kategori Senior Veteran (56-90 Tahun), Kategori Veteran (45 - 55 Tahun) dan Kategori



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada akhir acara (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai larian berkenaan.

Terbuka (44 Tahun ke Bawah).

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan sesi pelepasan acara larian amal berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada akhir acara.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni dan Pegawai

Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis (Supt.) Awang Haji Irham bin Haji Muhammad Arshad.

Acara bermula seawal jam 5.00 pagi dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diteruskan dengan Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Guru Sekolah Ujama Lamunin Tutong, Awang Abang Hariz bin Abang Hazdman.

Kemudian dilanjutkan dengan acara utama, iaitu pelepasan

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong

larian yang diadakan pada jam 6.15 pagi di kawasan letak kereta berhadapan MHBPT.

Acara berkenaan dianjurkan bersempena dengan Majlis Sambutan Jubli Intan MHBPT pada tahun ini dan juga bagi mengumpul dana Tabung Majlis Sambutan Jubli Intan MHBPT.

Di samping itu, penganjuran

acara berkenaan juga bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara masjid dengan masyarakat, sekali gus memperkasa peranan masjid sebagai pusat ibadah, pembangunan ummah dan kegiatan kemasyarakatan yang menyatukan pelbagai lapisan masyarakat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERKASA JATI DIRI DENGAN KONSISTEN, HAYATI KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA